

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH:

- Yang Berhormat Datuk Kalakau bin Untol (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 1)
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)
- Cuti Kepada Ahli (Halaman 3)

URUSAN MESYUARAT

(Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 (Halaman 15)
- Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 (Halaman 39)
- Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003 (Halaman 46)
- Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi
Kewangan (Pindaan) 2003 (Halaman 50)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat	Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
Yang Berhormat	Timbalan Yang di-Pertua,
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
“	Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
“	Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
“	Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)
“	Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
“	Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
“	Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
“	Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
“	Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
“	Datin Chong Set Mui (Dilantik)
“	Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
“	Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
“	Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
“	Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh (Johor)
“	Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
“	Berhormat Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
“	Puan Jaya Partiban (Dilantik)
“	Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
“	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
“	Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (Dilantik)
“	Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)

Yang Berhormat	Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
"	Puan Lim Kee Moi (Johor)
"	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)
"	Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
"	Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
"	Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
"	Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
"	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
"	Tuan M. Krishnan (Dilantik)
"	Tuan M. Ratnam (Dilantik)
"	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
"	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
"	Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
"	Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
"	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
"	Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
"	Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
"	Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
"	Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
"	Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
"	Tuan R. Sinniah (Dilantik)
"	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
"	Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Dipilih)
"	Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
"	Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
"	Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
"	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
"	Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
"	Tuan Udam @ George Adam Talek
"	Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
"	Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
"	Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
"	Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
"	Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
"	Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
"	Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 3 November 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat Yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- Y.B. Datuk Kalakau bin Untol

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di kamar Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut: -

12 Ogos 2003

- Yang Berhormat Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
- Yang Berhormat Tuan Ratnam a/l Muthiah (Dilantik)

17 September 2003

- Yang Berhormat Hamzah bin Zainudin (Dilantik)

2 Oktober 2003

- Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi,
- Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu
- Yang Berhormat Datin Naomi Chong Set Mui (Dilantik)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap ahli-ahli yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara. Di antara cabaran murni yang didukung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah untuk menjalankan tugas agar Dewan Negara kekal berwibawa dan relevan dalam konteks Pemerintahan Demokrasi Berparlimen di Malaysia. Oleh sebab Dewan Negara bebas dari tekanan-tekanan politik kepartian yang sempit, Ahli-ahli Yang Berhormat berkesempatan melahir dan menyuarakan pandangan dan cadangan secara lantang sekalipun dari sudut kepentingan negara sematamata. Gunakanlah kesempatan ini sepenuhnya agar Dewan Negara akan lebih disanjung rakyat jelata.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Pindaan) 2003;
2. Akta Hotel Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2003;
3. Akta Hak Cipta (Pindaan) 2003;
4. Akta Paten (Pindaan) 2003;
5. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003;
6. Akta Kebankrapan (Pindaan) 2003;
7. Akta Sistem Pembayaran 2003;
8. Akta Perlembagaan (Pindaan) 2003;
9. Akta Latihan Khidmat Negara 2003;
10. Akta Arkib Negara 2003;
11. Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan) 2003;
12. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003;
13. Akta Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003; dan
14. Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.
[Setiausaha membacakan Perutusan]

“30 Oktober 2003

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003;
2. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003;
3. Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003;
4. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2003;
6. Rang Undang-undang Demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur 2003;
7. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003;
8. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003;
9. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Depositori Pusat (Pindaan) 2003;
10. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003;

11. Rang Undang-undang Perbekalan 2004;
12. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003; dan
13. Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2003.

Yang ikhlas,
t.t.
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Haris bin Haji Salleh dari 3 November hingga 6 November 2003 dan Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dari 3 November hingga 20 November 2003.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan K.R.A. Naidu** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang kemajuan Program Khidmat Negara (PKN) dan apakah maklum balas yang diterima daripada kursus percubaan PKN yang telah dijalankan di Kuala Nerang, Kedah.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Dato’ Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid pada 4 November, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar pada 5 November, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban pada 11 November, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu pada 13 November, Yang Berhormat Datuk Agnes Shim Thsin Nyuk pada 17 November 2003 kerana kesemua soalan-soalan ini menyentuh perkara yang sama dan saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Latihan Khidmat Negara ini akan mula dilaksanakan pada bulan Februari tahun 2004. Pelaksanaan program ini akan melibatkan warganegara Malaysia yang lahir pada tahun 1986. Majoriti daripada bakal peserta-peserta ini sedang berada di tingkatan lima dan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini. Program yang akan bermula pada tahun hadapan ini akan melibatkan seramai 85,000 orang peserta. Pemilihan peserta akan dibuat melalui komputer secara rawak. Dari segi pecahan mengikut kaum, ianya akan disesuaikan dengan objektif program yang antaranya bertujuan untuk mempertingkatkan perpaduan kaum serta integrasi nasional. Dengan itu, peserta-peserta yang terlibat adalah berdasarkan peratusan penduduk dengan mengikut komposisi kaum, Melayu, bumiputera, Cina, India dan lain-lain bangsa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Program Latihan Khidmat Negara ini akan dilaksanakan secara berkhemah di pusat-pusat Latihan Khidmat Negara selama sebulan bagi aktiviti latihan fizikal dan secara berasrama di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) selama dua bulan bagi aktiviti kenegaraan, pembentukan watak dan khidmat komuniti. Pada masa ini sebanyak 41 kem telah dikenal pasti dan dijadikan pusat-pusat latihan. Kem-kem ini adalah terletak di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Sementara itu sebanyak 19 buah lokasi IPTA akan digunakan untuk modul berasrama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perancangan ke arah melaksanakan Program Khidmat Negara mulai Februari tahun 2004 sedang berjalan dengan baik. Ini termasuklah perancangan bagi menyediakan prasarana, tenaga pengajar dan kurikulum program tersebut. Untuk tujuan itu, Kementerian Pertahanan dengan kerjasama beberapa kementerian seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan beberapa kementerian lain serta agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan sedang mengadakan persiapan memastikan pelaksanaan Program Khidmat Negara dapat dilaksanakan dengan baik. Kementerian yakin semua aspek pelaksanaan akan disiapkan menjelang tarikh pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program percubaan khidmat negara telah diadakan secara berkhemah bagi Modul Fizikal dari 3 hingga 10 September 2003 di Dusun Minda Resort, Kuala Nerang dan secara berasrama bagi modul pembinaan watak kenegaraan dan khidmat komuniti dari 11 hingga 27 September 2003 di Universiti Utara Malaysia. Hasil daripada soal selidik yang telah diterima, kementerian mendapati bahawa para peserta amat berpuas hati dengan modul berkhemah yang menjalankan aktiviti fizikal terutama dari segi jenis aktiviti, tempat dan cara latihan dikendalikan.

Para peserta juga telah menyatakan bahawa matlamat untuk membentuk ketahanan fizikal, mental, emosi telah dicapai bagi modul tersebut. Bagi modul pembinaan watak dan kenegaraan, ia juga telah mencapai matlamat di mana para peserta dapat memahami nilai-nilai murni patriotisme yang disampaikan dalam modul tersebut. Sementara itu, Modul Khidmat Komuniti yang mana aktiviti dijalankan di sekitar daerah Kubang Pasu juga telah menepati matlamat dan peserta amat berpuas hati dengan pengendalian modul.

Tuan Yang di-Pertua, program percubaan Latihan Khidmat Negara telah memberikan pengalaman yang berguna dari segi pentadbiran dan pengurusan program di mana ia tidak pernah dikendalikan sebelum ini. Ia telah banyak memberikan pengalaman dan faedah kepada semua pihak yang terlibat termasuk para peserta. Secara keseluruhannya, kementerian percaya program percubaan ini berupaya menanam semangat keyakinan diri di dalam diri peserta menjadi lebih berdisiplin, lasak, bersemangat serta membenihkan rasa sayang dan cinta negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perjalanan program mulai tahun 2004 ini akan dipantau dan diteliti bagi melihat keberkesanannya serta masalah-masalah yang dihadapi dapat diperbaiki segera demi untuk memastikan pelaksanaan di masa depan adalah lebih lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, para peserta bagi Program Khidmat Negara yang akan bermula pada Februari 2004 ini dibenarkan menyempurnakan ibadah menurut agama masing-masing memandangkan kerajaan tidak membina kemudahan beribadat untuk semua penganut, maka peserta-peserta adalah dibenarkan untuk ke tempat ibadat yang berdekatan dan sekiranya perlu, pengangkutan akan disediakan.

[Soalan No. 2 - Tuan Wan Nordin bin Che Murat tidak hadir]

3. **Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mencegah dan menghapuskan gejala meragut beg dan barang-barang kemas yang semakin berleluasa sekarang dan statistik seluruh negara kes-kes yang telah dilaporkan dan berapakah kes-kes yang sudah diselesaikan bagi tahun 2000 hingga kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri hadir, Ahli tidak hadir.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Apa Tuan Yang di-Pertua kata?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya sebut mengenai soalan kedua tadi, Menteri hadir, Ahli tidak hadir. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak polis di dalam pencegahan berlakunya masalah kecurian, ragut yang semakin berleluasa sekarang ialah dengan cara yang pertama sekali melalui dari segi pentadbiran:

- (i) meningkatkan *patrol* oleh anggota-anggota polis; dan
- (ii) di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi sasaran utama berlakunya jenayah ragut ataupun kawasan-kawasan yang difikirkan boleh berlaku daripada satu masa ke satu masa.

Yang kedua, kerjasama masyarakat di dalam menangani masalah ini iaitu:

- (i) segera melaporkan kepada pihak berkuasa tentang sesuatu perkara ataupun situasi yang meragukan yang berlaku di persekitaran mereka;
- (ii) elakkan membawa atau memakai suatu yang berharga semasa berjalan berseorangan di jalan-jalan yang sunyi;
- (iii) beri kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis untuk memudahkan penyiasatan dan seterusnya menangkap penjenayah terbabit seperti dengan cara mengingati ilustrasi penjenayah iaitu daripada bentuk muka, tubuh badan dan lain-lain lagi, nombor pendaftaran kenderaan atau motor penjenayah dan lain-lain maklumat yang penting; dan
- (iv) pihak polis sedang dan telah meningkatkan usaha di dalam memberi penumpuan yang lebih kepada usaha-usaha menyiasat lanjut sehingga tertangkapnya penjenayah-penjenayah ragut. Ini terbukti dengan peratusan kadar penyelesaian sebanyak 50% untuk kes-kes ragut sepanjang tahun 2000, 2001 sehingga 2003 yang direkodkan di seluruh negara.

Dari segi perundangan pula:

- (i) menjadikan hukuman sebat sebagai hukuman mandatori di samping hukuman penjara selama tujuh tahun kepada kesalahan melibatkan jenayah ragut iaitu:
 - (a) pada masa sekarang, pertuduhan terhadap penjenayah-penjenayah ragut adalah dibuat di atas di bawah seksyen 379 Kanun Keseksaan. Untuk kesalahan pertama hukumannya ialah penjara selama tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali; dan
 - (b) bagi kesalahan kedua pula ialah hukuman penjara, denda ataupun sebat.

Bagi statistik di seluruh negara berkaitan dengan jenayah ragut, saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2000 - jumlah kes ialah 15,082, jumlah kes yang diselesaikan 3,332, jumlah tangkapan 1,315 iaitu lebih kurang 22.1%; tahun 2001 - jumlah kes 14,368 kes, jumlah kes selesai 7,142, jumlah tangkapan 1,403. Peratus selesai ialah 49.7%; tahun 2002 - jumlah kes 14,640, jumlah kes selesai 7,886, jumlah tangkapan 1,558. Peratus selesai ialah 53.9%; tahun 2003, daripada Januari hingga September, jumlah kes 12,338, jumlah kes selesai 6,484, jumlah tangkapan 1,441. Peratus selesai ialah 52.6%. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan bagi....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Soalan ketiga. Saya ingin tahu, apakah latar belakang penjenayah yang melakukan....

Tuan Yang di-Pertua: Pohon maaf Yang Berhormat, saya lupa Yang Berhormat Wan Ubaidah binti Omar, sila.

Wan Ubaidah binti Omar: Saya ingin tahu, apakah latar belakang penjenayah ragut ini? Adakah mereka terdiri daripada golongan yang menagih dadah ataupun penganggur? Adakah mereka itu terdiri daripada warga asing ataupun rakyat Malaysia? Terima kasih.

Datuk Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, penjenayah-penjenayah ini datang dari berbagai-bagai latar belakang terutama sekali latar belakang yang diketengahkan tadi iaitu berkaitan dengan penagihan dadah. Memang ramai di antaranya adalah penagih dadah kerana penagih-penagih dadah ini adalah orang yang paling terdesak sekali akhir-akhir ini oleh sebab tindakan yang tegas oleh pihak negara jiran kita iaitu Thailand terhadap pengedar-pengedar dadah. Oleh sebab itu maka kedatangan dadah ke negara kita ini sudah berkurangan. Jadi oleh itu dadah kita ada defisit. Bukan bajet sahaja ada defisit, dadah pun ada defisit juga.

Oleh itu apabila ada defisit dadah bermakna susah hendak dapat dadah kerana harganya naik. Bila naik, maknanya penagih-penagih terpaksa mengambil cara-cara lain untuk mendapatkan kewangan. Ada orang kata "dada" pula Tuan Yang di-Pertua. Saya kata dadah, dia orang kata dada. Minta maaf.

Penganggur - ada juga peratusan berkaitan dengan penganggur-penganggur yang melakukan jenayah-jenayah dan juga lain-lain latar belakang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mahu menyampuk, mengganggu jawapan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya, saya telah membuat *ruling* tempoh hari kerana yang mempengerusikan mesyuarat silih berganti dan dalam Peraturan Majlis Mesyuarat tuntutan Pengerusi disebut hanya sebagai Tuan Yang di-Pertua, bukan Tan Sri, bukan Dato kerana yang mempengerusikan mesyuarat silih berganti. Bagi mematuhi dan menepati Peraturan Majlis Mesyuarat, ditujukan ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

4. **Tuan Ismail bin Kassim** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian dalam menangani masalah keruntuhan disiplin para pelajar sekolah di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima belas pertanyaan daripada tiga belas orang Ahli Yang Berhormat menyentuh isu masalah salah laku di kalangan murid-murid sekolah di negara ini dan langkah-langkah untuk mengatasinya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut ialah Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim pada 3 November 2003, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi pada 4 November 2003, Yang Berhormat Puan Hajah Azidah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun pada 4 November 2003, Yang Berhormat Tuan Ratnam a/l Muthiah pada 5 November 2003 dan 6 November 2003, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani pada 10 November 2003 pada 11 November 2003, Yang Berhormat Tuan Tan Cheng Tee pada 11 dan 12 November 2003, Yang Berhormat Tuan Wee Kok Kiong pada 12 November 2003, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae pada 13 November 2003, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh pada 13 November 2003, Yang Berhormat Tuan Benedict Bujang Tembak pada 18 November 2003, Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid pada 19 November 2003 dan Yang Berhormat Puan Mariah binti Haji Abdullah pada 19 November 2003.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab semua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sememangnya memandang serius terhadap isu salah laku di kalangan pelajar. Ingin ditegaskan di sini bahawa langkah-langkah sedia ada untuk menangani isu-isu tersebut telah diambil oleh Kementerian Pendidikan secara komprehensif dan menyeluruh. Kementerian mempunyai keyakinan bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak sekolah, jika dilaksanakan secara berkesan berupaya mencegah masalah salah laku di kalangan pelajar kita. Pertamanya langkah mengawal disiplin pelajar di peruntukkan di bawah Ordinan Pelajaran 1957 dan Peraturan-peraturan Pelajaran iaitu disiplin sekolah 1959. Peruntukan tersebut memberi kuasa kepada Guru Besar dan Pengetua untuk mengadakan peraturan-peraturan serta tindakan-tindakan termasuk peraturan menurunkan kuasa kepada guru-guru untuk mengawal disiplin di sekolah.

Sehubungan itu juga, dari masa ke semasa Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas dan surat siaran untuk memberi panduan kepada Guru Besar dan Pengetua untuk mengurus disiplin serta salah laku pelajar.

Umpamanya sejak tahun 1968 sehingga kini, sekurang-kurangnya 45 Pekeliling Ikhtisas berkaitan dengan disiplin telah dikeluarkan oleh kementerian. Contohnya Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1986, bertarikh 10 Ogos 1986 mengenai langkah-langkah keberkesanan disiplin sekolah dan juga Surat Pekeliling Ikhtisas 8/1988, bertarikh 1 Mac 1988 mengenai keselamatan diri pelajar di sekolah.

Surat Pekeliling Bil. 7/1986 adalah bertujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi disiplin sekolah di seluruh negara. Di samping itu, ia bertujuan untuk memberitahu dan mengingatkan lagi mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperbaiki dan mengurangkan masalah disiplin di sekolah-sekolah. Pekeliling tersebut juga menegaskan bahawa Pengetua dan Guru-guru Besar mempunyai kuasa bagi mengawal organisasi sekolahnya. Sebagai tambahan, surat siaran dan buku-buku panduan disiplin dikeluarkan dari masa ke semasa untuk memberi penjelasan pelaksanaan disiplin sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian dan punca-punca salah laku di kalangan pelajar adalah seperti berikut:-

- (i) Kes-kes salah laku berat seperti mencuri, bergaduh dan mengancam guru di kalangan pelajar telah mendapat perhatian ramai. Dalam hal ini, kementerian berpandangan bahawa memang terdapat kes-kes tersebut tetapi terpencil (*isolated cases*) dan pada keseluruhannya adalah terkawal. Daripada langkah-langkah yang telah diambil, kita dapati ianya telah menunjukkan keberkesanan.

Sebagai contoh, kajian salah laku di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah, implikasi untuk polisi yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia pada 2 Mac 2001 menunjukkan bahawa terdapat penurunan dari segi peratus bilangan murid terlibat dalam kes-kes salah laku.

Dalam tahun 1995, peratus murid sekolah rendah dan menengah yang terlibat ialah 4.48%, 1996 – 4.08%; 1997 – 2.828%; 1988 – 2.38%; dan sehingga Jun 1999 – 0.80%.

Daripada peratusan tersebut, jelaslah langkah-langkah yang diambil adalah berkesan. Memangnya terdapat segelintir individu yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan perlakuan di luar norma-norma yang tidak dapat diterima oleh majoriti masyarakat dan sekolah tidaklah terkecuali seperti juga dalam sebuah keluarga yang kadangkala timbul persengketaan sesama ahli keluarga seperti adik beradik.

- (ii) Selain itu, kita perlu juga mengambil kira faktor-faktor luar yang menyebabkan berlakunya salah laku seperti yang dipaparkan dalam Kajian Salah Laku Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Dan Rendah oleh Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan pada tahun 2001 dan Kajian Gengsterisme Di Sekolah Menengah Harian yang dijalankan oleh kementerian yang dibiayai oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia pada tahun 1999.

Dapatan kajian-kajian tersebut mendapati bahawa salah laku pelajar antaranya berpunca daripada faktor-faktor berikut:-

- (a) sikap pelajar yang lebih berorientasi keseronokan dan suka bertindak liar;
- (b) pengaruh dan tekanan rakan sebaya;
- (c) faktor keluarga iaitu keluarga yang bermasalah, tidak ada kemahiran keibubapaan dan kurang sokongan daripada keluarga;

- (d) persekitaran fizikal dan sosial tempat kediaman;
- (e) kurang minat terhadap iklim sekolah; dan
- (f) pengaruh media massa.

Cara-cara menangani masalah salah laku:

Sebagai menunjukkan komitmen yang berterusan dalam menangani isu-isu ini, maka Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Isu Budaya Negatif di kalangan pelajar sekolah yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan dianggotai oleh Pegawai-pegawai Pendidikan, pensyarah-pensyarah IPT dan wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO). Jawatankuasa tersebut telah memperakukan lima perkara utama iaitu:-

- (i) memperkukuhkan dan memantapkan pengurusan hal ehwal murid;
- (ii) menghapuskan segala bentuk budaya, amalan dan perilaku negatif di semua sekolah;
- (iii) membangun dan mengembangkan potensi diri murid secara optimum supaya dapat mengatasi gejala emosi seperti tekanan (*stress*);
- (iv) meningkatkan kompetensi dan kemahiran warden, kaunselor, guru disiplin dan guru subjek; dan
- (v) mempertingkatkan permuafakatan di antara sekolah dengan ibu bapa, guru, komuniti, alumni, agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Jawatankuasa ini juga mencadangkan tujuh inisiatif baru iaitu:-

- (i) melaksanakan sistem laporan adab pelajar di semua sekolah;
- (ii) memantapkan pengurusan asrama dengan memperkenalkan piawaian kualiti asrama;
- (iii) mengadakan peruntukan per kapita bagi pengurusan hal ehwal murid;
- (iv) penempatan murid di asrama sekolah berasrama penuh dilaksanakan mengikut sistem rumah;
- (v) memberi peluang kepada pelajar menyuarakan pendapat melalui badan pengawas atau peti cadangan;
- (vi) mewujudkan Biro Pelawat Sekolah dan Asrama yang melibatkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, Persatuan Bekas Murid dan agensi-agensi lain; dan
- (vii) menubuhkan Majlis Perundingan Mengenai Isu Budaya Negatif di kalangan murid di peringkat kebangsaan.

Di samping itu, jawatankuasa tersebut juga memperakukan bahawa 22 inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini berjaya mengekang gejala salah laku di kalangan pelajar dan mencadangkan agar ianya dimantapkan. Inisiatif ini mencakupi aspek disiplin, kaunseling, pengurusan hal ehwal murid, kokurikulum dan pengurusan asrama. Malah

inisiatif terkini ialah pelaksanaan konsep sekolah selamat yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan bersekolah dan masyarakat setempat yang diperkenalkan pada tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun baru diperkenalkan, konsep tersebut sekurang-kurangnya dapat memberi kesedaran di kalangan pelajar, guru-guru dan ibu bapa betapa pentingnya suasana kondusif dan selesa diwujudkan di sekolah. Ini jelas menggambarkan bahawa langkah-langkah yang diambil adalah menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pendekatan menyeluruh juga perlu mengambil kira minat dan kecenderungan pelajar. Ini adalah sejajar dengan saranan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan supaya bidang-bidang teknikal diperbanyakkan untuk memenuhi minat dan kecenderungan pelajar yang kurang berkebolehan dalam bidang akademik dan sekali gus mengurangkan masalah salah laku pelajar.

Perkara ini memang relevan dengan usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan memperkenalkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah-sekolah harian mulai tahun 2002. MPV menawarkan bidang-bidang kemahiran bagi menarik pelajar-pelajar yang kurang berminat dalam mata pelajaran akademik. Langkah ini akan menambah minat pelajar-pelajar tersebut untuk terus berada di sekolah dan menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan tidak terlibat dalam gejala-gejala negatif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hukuman merotan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menekankan bahawa sesungguhnya tindakan merotan adalah sebahagian daripada proses mendidik. Di samping itu, pendekatan yang lain kita gunakan secara serentak untuk membolehkan sekolah-sekolah mengurus disiplin pelajar bagi melahirkan generasi yang mengamalkan tingkah laku positif dan berdisiplin. Pendekatan-pendekatan tersebut ialah berbentuk, dengan izin, pencegahan (*preventive*), didikan (*educative*), pembetulan (*corrective*) dan hukuman (*punitive*).

Saya ingin menjelaskan bahawa di bawah Peraturan-Peraturan Pelajaran atau Disiplin Sekolah 1959, Guru Besar dan Pengetua boleh menurunkan kuasa kepada guru-guru untuk merotan murid. Ini diperuntukkan dalam Peraturan 6 iaitu:

“Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari masa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut, mewakili kuasa disiplin dan kuasa menjalankan hukuman kepada guru-guru lain di sekolah itu.”

Walau bagaimanapun, di bawah Peraturan 5 (1):

- (a) *hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang; dan*
- (b) *hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan di tapak tangan ataupun di punggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah dijalankan hanya oleh Guru Besar ataupun dengan kuasa yang diberi olehnya dalam hal-hal yang tertentu.*

Dalam keadaan tersebut, maka jelaslah bahawa tindakan merotan adalah bermotifkan mendidik daripada menghukum anak-anak kita yang dibuktikan terlibat dalam perbuatan salah laku. Walau bagaimanapun, kementerian berpandangan bahawa usaha-usaha memberi nasihat dan bimbingan menggunakan pendekatan kaunseling yang lebih berbentuk *preventive* adalah cara terbaik bagi menangani masalah tingkah laku di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hukuman merotan tidak bermakna bahawa Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral tidak berkesan. Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani, atas kesedaran bahawa kedua-dua subjek tersebut amat penting, Kementerian Pendidikan telah menjadikan kedua-dua mata pelajaran tersebut sebagai mata pelajaran teras, wajib dipelajari dan wajib diambil dalam peperiksaan oleh semua pelajar sehingga ke peringkat SPM.

Kementerian amat bersetuju bahawa pendidikan agama dan moral yang kukuh boleh membina ketahanan diri para remaja dari terpengaruh daripada gejala-gejala negatif. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan telah beberapa kali membuat semakan kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di sekolah rendah dan menengah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran juga telah dipertingkatkan dari segi pengetahuan, penghayatan dan amalan di samping memupuk akhlak mulia dan menerap nilai-nilai mulia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya dipinda Ordinan Pelajaran 1957 - Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, Kementerian berpandangan bahawa peraturan-peraturan yang termaktub masih relevan bagi menangani masalah disiplin di sekolah. Peraturan-peraturan tersebut memberi kuasa kepada Guru Besar dan Pengetua untuk mengawal disiplin di sekolah. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menyemak peraturan bagi memantapkannya agar selaras dengan perkembangan terkini dan sejajar dengan Akta Pendidikan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pendidikan sememangnya memandang serius terhadap isu salah laku di kalangan pelajar. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk menangani masalah tersebut demi kesejahteraan dan keharmonian anak bangsa kita. Namun demikian, Kementerian ini berpandangan masalah ini adalah tanggungjawab bersama semua pihak termasuk ibu bapa, PIBG, masyarakat setempat, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan dan juga tidak ketinggalan tanggungjawab pemimpin pertubuhan-pertubuhan dan juga pertubuhan-pertubuhan politik.

Tiupkanlah dan ajarlah anak-anak ini nilai-nilai yang lebih baik dan murni. Asuhlah mereka dengan perkara-perkara yang baik dan murni. Sesungguhnya kesejahteraan dan keharmonian adalah tanggungjawab bersama dan perlu ditangani secara bersama dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab jawapannya begitu komprehensif, saya tidak membenarkan soalan tambahan. Keduanya, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 22(1)(a), Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan disebut nama dalam soalan, tetapi peraturan tidak menyatakan dalam jawapan sama ada boleh disebut nama. Hikmat di sebalik Peraturan Mesyuarat ini, saya rasa adalah supaya kita tidak menggunakan masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut digunakan untuk penggulangan untuk apa-apa perbahasan. Pemisahan ini saya serahkan kepada kebijaksanaan barisan kerajaan agar pada masa depan untuk menyebut nama dalam jawapan-jawapan yang diberi. Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah sesebuah syarikat yang akan membuat terbitan awam ("IPO") dan akan disenaraikan di bursa saham telah dipastikan bebas daripada sebarang tindakan dan kesalahan undang-undang semasa dan akan datang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua permohonan korporat termasuk permohonan bagi penyenaaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat tersebut mempunyai rekod-rekod pentadbiran korporat yang baik.

Dalam memberi pertimbangan terhadap permohonan-permohonan syarikat untuk disenaraikan di BSKL, Suruhanjaya Sekuriti akan mengambil kira rekod pentadbiran korporat syarikat dan pengarah-pengarahnya termasuk meneliti sama ada terdapat sebarang tindakan yang telah diambil pada masa lepas ke atas pelanggaran undang-undang, peraturan-peraturan atau garis panduan yang ditetapkan.

Sekiranya Suruhanjaya Sekuriti tidak berpuas hati dengan rekod pentadbiran korporat sesebuah syarikat yang memohon untuk disenaraikan atau rekod pengarah syarikat tersebut, Suruhanjaya Sekuriti mungkin tidak akan memberikan kelulusan permohonan penyenaraian atau kelulusan dengan syarat-syarat tertentu. Contohnya seorang pengarah yang mempunyai rekod pentadbiran korporat yang tidak baik mungkin dikehendaki meletakkan jawatan dan tidak lagi melibatkan diri dalam pengurusan syarikat yang akan disenaraikan.

Suruhanjaya Sekuriti hanya dapat menyemak untuk memastikan bahawa sesebuah syarikat yang bakal disenaraikan mempunyai rekod pentadbiran korporat yang baik berdasarkan kepada rekod syarikat tersebut pada masa yang lepas. Namun begitu, Suruhanjaya Sekuriti tidak akan menjamin bahawa syarikat tersebut serta pengarah-pengarahnya tidak akan melanggar mana-mana peruntukan undang-undang pada masa hadapan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu siapakah yang menetapkan harga saham yang ditawarkan di bawah IPO (Initial Public Offer), kerana saya dapati ada saham-saham yang jatuh harganya selepas disenaraikan dengan begitu cepat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Selalunya, semasa IPO, harga saham yang berkenaan akan ditentukan, pertamanya hasil daripada syarikat yang hendak diIPOkan itu, sama ada ia mempunyai integriti, *marketability* dan sebagainya. Selepas itu kalau tidak silap saya, MITI akan melihat syarikat-syarikat berkenaan sama ada syarikat itu *viable* atau tidak diIPO.

Seperti mana yang biasa saya nyatakan di sini bahawa apabila syarikat-syarikat itu disenaraikan di bursa saham, maka timbullah spekulatif walaupun secara tidak langsung, kerana ini melibatkan, selalu diperkatakan kepada syarikat-syarikat yang sudah pun maju. Kita lihat bahawa harga syarikat ataupun saham yang berkenaan lebih rendah daripada harga aset yang ada, dan kalau kita tengok dari segi laporan tahunan syarikat ini bagus, tetapi kita lihat dari segi pasaran saham, syarikat ini tidak menunjukkan nilai yang tinggi. Jadi, di sini saya rasakan unsur spekulatif juga akan memainkan peranan di mana-mana bursa saham. Terima kasih.

6. **Tuan Udam Adam Talek** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah peruntukan yang telah disediakan bagi Daerah Belaga khasnya di Penempatan Semula Asap/Koyan, Belaga bagi tempoh 2002-2003 dan daripada peruntukan tersebut:

- (a) berapakah jumlah yang telah digunakan dan apakah projek-projek yang berjaya dilaksanakan dari peruntukan tersebut; dan
- (b) adakah peruntukan yang dibelanjakan itu memberi manfaat yang menguntungkan rakyat tempatan dalam jangka masa panjang ataupun tidak.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang disediakan untuk pusat Penempatan Semula Sungai Asap, Daerah Belaga Projek Hidro Elektrik Bakun bagi tempoh 2002-2003 ialah berjumlah sebanyak RM268.9 juta. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM265.9 juta telah pun dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat bagi melaksanakan beberapa projek untuk kepentingan dan faedah para penduduk di pusat Penempatan Semula Sungai Asap Daerah Belaga.

Untuk projek-projek yang telah dilaksanakan bagi kemudahan penduduk ialah pembinaan rumah kediaman, melengkapkan penduduk dengan kemudahan infrastruktur seperti kerja-kerja menurap jalan raya, bekalan air, pembinaan dewan dan padang bola serta pembukaan ladang kelapa sawit. Dari semasa ke semasa kerajaan akan terus menyalurkan peruntukan untuk memastikan pembangunan dan kemudahan infrastruktur, sosial dan juga kesihatan di penempatan tersebut dipertingkatkan dan menjadi lebih sempurna.

Penempatan Semula Kampung Asap/Belaga akan memberikan banyak manfaat kepada penduduk setempat untuk jangka masa pendek dan panjang. Antaranya:

- dapat mewujudkan struktur penempatan penduduk yang lebih tersusun dan juga teratur;
- mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk untuk menjamin sumber pendapatan yang lebih baik; dan
- dapat meningkatkan taraf hidup penduduk serta memudahkan kerajaan merancang pembangunan dan kemudahan infrastruktur di masa akan datang.

Terima kasih.

Tuan Udam Adam Talek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak kementerian yang begitu prihatin dengan kepentingan rakyat khususnya dengan kaum yang ditempatkan semula itu.

Walaupun demikian, mereka memohon supaya kegiatan pertanian bersepadu yang betul-betul dapat menyara kehidupan mereka dalam jangka masa panjang dapat dirancang dan dilaksanakan secepat mungkin. Rancangan dan peruntukan yang diadakan sebelum ini sebenarnya tidak begitu memuaskan kerana hampir kesemua penduduk yang ditempatkan semula itu, kini telah mengalami kesempitan hidup dan serba kekurangan.

Kaum ini telah begitu lama berkorban sebaik sahaja ditempatkan di kawasan yang baru itu, dan telah terpaksa meninggalkan tanah asal kampung nenek moyang mereka kerana memberi laluan untuk pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun. Justeru itu, adakah kerajaan berhasrat untuk memastikan supaya pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun itu juga dapat dijadikan sebagai satu projek pembangunan untuk mereka dari segi pertanian, ekonomi dan sosial. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa apa yang kita harapkan supaya mereka yang terlibat bukan merupakan *spectator of development* ataupun pemerhati pembangunan sahaja. Mereka ini akan dilibatkan bersama, pertamanya dari segi pekerjaan di situ, kalau anak-anak mereka dapat kita serapkan dalam projek yang berkenaan.

Yang kedua, seperti mana yang saya katakan tadi, pembukaan ladang kelapa sawit akan diadakan dan ini juga akan meningkatkan mata pencarian dan pendapatan mereka. Selain dari itu, saya rasakan oleh kerana pertanian adalah di bawah kerajaan negeri, kita akan berhubung dengan kerajaan negeri untuk permohonan yang dikatakan tadi, iaitu projek bersepadu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk panduan Yang Berhormat, sesuatu pertanyaan sebenarnya tidak boleh mengandungi lebih daripada 40 perkataan.

7. **Dato' Dr S. Vijayaratnam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah status pendatang-pendatang haram yang mencari perlindungan (*refugees*) yang telah memasuki negara dari Aceh dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menghalang tindakan mereka itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, kemasukan orang asing Malaysia adalah mengikut syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Seksyen 6 Akta Imigresen 1959/1963. Oleh yang demikian, pelarian Aceh yang memasuki negara ini secara tidak sah adalah dianggap sebagai pendatang tanpa izin (PTI), di mana mereka akan dikenakan tindakan undang-undang termasuk menghantar mereka pulang ke negara asal mereka.

Yang kedua, bagi mengatasi kemasukan pelarian Aceh di negara ini, agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Marin dan Tentera Laut telah meningkatkan pengawasan di perairan negara terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai laluan pendatang tanpa izin. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan seperti operasi menahan dan menangkap PTI terus dijalankan dari semasa ke semasa oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti polis, Jabatan Imigresen dan pihak berkuasa tempatan.

Yang ketiga, Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Geneva mengenai Pelarian 1951. Oleh itu Malaysia tidak tertakluk kepada konvensyen itu untuk memberi layanan kepada mereka yang dianggap sebagai pelarian. Oleh yang demikian, terma pelarian tidak sesuai diberi kepada pendatang-pendatang tanpa izin dari Aceh mengikut undang-undang Malaysia. Terima kasih.

Dato' Dr S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat di atas jawapan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Kesatuan Negara Indonesia tanpa huru-hara dianggap penting untuk kestabilan negara kita Malaysia. Jika ada permintaan dari Kerajaan Indonesia untuk membantu mereka mencegah pergerakan-pergerakan separatism seperti di Aceh Tuan Yang di-Pertua, yang hampir dengan Malaysia, dapatkah Kerajaan Malaysia menimbang permohonan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di sini saya kena buat *ruling*. Sesuatu pertanyaan tidak boleh diasaskan kepada andaian. Walau bagaimanapun untuk kali ini, saya serahkan kepada Yang Berhormat sekiranya mahu menjawab 'andai kata'.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua telah menjawabkan ataupun membantu saya dalam erti kata masih belum ada permohonan daripada pihak Kerajaan Indonesia iaitu '*Government to Government*', maka perkara ini belum timbul lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan niat saya untuk keras tetapi Peraturan Mesyuarat untuk satu jam yang digunakan bagi pertanyaan-pertanyaan jawab mulut adalah keras untuk menggunakan satu jam itu sepenuhnya bagi memanfaatkan Dewan dan negara.

8. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes penipuan cek yang dilaporkan oleh bank-bank dan berapa kes yang sedang dalam siasatan pihak polis.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes penipuan cek yang dilaporkan oleh pihak bank yang melibatkan jumlah yang besar untuk tahun 2003 ialah sebanyak 8 kes iaitu:

<u>Negeri</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Nilai (RM)</u>
Pulau Pinang	1	3,751,068.00
Johor	1	869,400.00
Terengganu	1	136,900.00
Melaka	1	755,211.27
Kuala Lumpur	1	261,171.00
Negeri Sembilan	1	147,309.00
Pahang	1	769,239.00
Kelantan	1	124,200.00
Jumlah		86,814,498.27

Kesemua kes tersebut sedang dalam siasatan pihak polis. Polis percaya kes-kes penipuan cek dilakukan oleh sindiket yang sama. Pihak polis sedang giat menjalankan siasatan bagi menyelesaikan kes-kes penipuan cek termasuk mengenal pasti ahli-ahli sindiket yang terlibat dengan kes berkenaan.

Di antara lapan kes berkenaan Tuan Yang di-Pertua, satu daripadanya iaitu kes pengklonan cek Pejabat Bendahari Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tiga orang terlibat di dalam kes ini telah dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 414 Kanun Keseksaan iaitu membantu melupuskan harta curi.

Untuk lain-lain kes, siasatan masih diteruskan dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengesan ahli-ahli sindiket yang dipercayai diketuai oleh Syed Ismail bin Syed Alwi. Dengan tertangkapnya Syed Ismail ini, pihak polis percayai kes-kes lain akan dapat diselesaikan siasatannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tempohkan Dewan sehingga pukul 12.00 tengah hari. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 11.00 pagi]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.02 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 dalam Dewan ini.

Rang undang-undang ini dibuat bagi memastikan Bank Negara mendapat sokongan perundangan yang mantap sejajar dengan kehendak sektor kewangan semasa yang memerlukan undang-undang yang kemas kini dan wajar.

Pelan induk sektor kewangan atau pelan induk yang dilancarkan pada bulan Mac 2001 menggariskan rancangan jangka masa 10 tahun sektor kewangan negara untuk memastikan prasarana sistem kewangan yang kukuh, berdaya maju dan berdaya saing.

Bank Negara telah dan sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi merealisasikan pelan induk itu melalui beberapa usaha bersepadu. Antara usaha-usaha tersebut yang dicadangkan untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian. Satu sistem pembayaran dan penyelesaian yang cekap, lancar dan diyakini adalah amat penting dalam memastikan kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan. Walaupun Bank Negara telah mengawal selia sistem pembayaran, pada masa ini tidak terdapat peruntukan perundangan khusus yang menggariskan peranan Bank Negara dalam mengawal selia sistem pembayaran.

Aktiviti pengawalseliaan Bank Negara ke atas sistem pembayaran lebih tertumpu kepada institusi perbankan yang tertakluk di bawah bidang kuasa kawal selia Bank Negara. Ini kerana institusi perbankan secara tradisinya merupakan institusi utama yang memberi perkhidmatan sistem pembayaran di Malaysia. Pindaan ini akan mengakui secara rasmi bahawa kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan merupakan objektif Bank Negara di bawah Seksyen 4 Akta Bank Negara dan selaras menguatkuasakan Akta Sistem Pembayaran 2003 oleh Bank Negara.

- (b) Memperkemas rangka kerja perundangan dan syariah bagi sektor kewangan dan perbankan Islam dan memperluaskan skop aktiviti Bank Negara yang selari dengan kehendak syariah.

Kewujudan suatu rangka kerja perundangan yang lebih menyeluruh bagi sektor kewangan dan perbankan Islam adalah amat penting terutamanya dalam memastikan keseragaman pendapat syariah yang berkaitan sistem perbankan dan kewangan Islam. Dalam hal ini, penubuhan secara rasmi Majlis Penasihat Syariah sebagai badan penasihat tunggal dalam isu-isu syariah berkaitan sektor perbankan Islam dan takaful amat penting. Ini selanjutnya akan dapat menangani isu ketidakseragaman pendapat syariah berkaitan sektor perbankan dan kewangan Islam.

Di samping itu, Bank Negara juga akan diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan bertulis kepada institusi kewangan berhubung isu-isu syariah setelah merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah. Dari perspektif Bank Negara pula, ia perlu diberi ruang yang lebih luas untuk membuat lebih banyak transaksi yang selari dengan syariah.

Dalam hal ini, peruntukan yang jelas adalah perlu untuk memberi pilihan kepada Bank Negara untuk membuat transaksi yang sekarang ini dibenarkan di bawah Akta Bank Negara dengan cara yang dibenarkan oleh syariah. Pindaan kepada Akta Bank Negara juga meluaskan kuasa Bank Negara untuk memberi kemudahan pinjaman dan pembiayaan menurut prinsip syariah kepada kakitangannya.

- (c) Penubuhan pusat latihan bagi sektor perkhidmatan perbankan dan kewangan. Sumber manusia yang mahir dan terlatih adalah perlu bagi memastikan peningkatan daya saing di sektor perbankan dan kewangan. Bank Negara bercadang untuk menubuhkan Pusat Latihan, dengan izin, *International Center for Leadership in Finance* (ICLIF) bagi tujuan penyediaan latihan kajian dan pembangunan sumber manusia berkaitan perkhidmatan perbankan dan kewangan yang akan melatih tenaga kerja sedia ada di sektor berkaitan dan menggalakkan budaya pembelajaran yang berterusan ke arah kecemerlangan institusi perbankan dan kewangan negara.

Dalam mencapai usaha ini, Bank Negara perlu diberikan kuasa untuk menubuhkan ICLIF dan memberi bantuan kewangan yang sewajarnya bagi menanggung kos penubuhan dan pengendalian pusat tersebut. Justeru itu, Bank Negara perlu mengendali dan menguruskan suatu dana untuk perbelanjaan ICLIF demi untuk memastikan kelangsungan pembangunan sumber manusia.

- (d) Pematuhan terhadap Garis Panduan Bank Negara mengenai pemberian kemudahan kredit. Bank Negara mengeluarkan dari masa ke semasa garis panduan mengenai kemudahan kredit oleh institusi perbankan terutamanya berhubung kemudahan kredit kepada sektor kewangan. Bagi memastikan institusi perbankan mematuhi syor-syor Bank Negara di bawah garis panduan tersebut, untuk memastikan pematuhan dengan cara yang paling berkesan dalam situasi ini iaitu dengan Bank Negara diberi kuasa untuk menghendaki institusi perbankan yang gagal mematuhi syor-syor tersebut meletakkan sejumlah wang sebagai deposit dengan Bank Negara.

- (e) Infrastruktur bagi pasaran bon ringgit dan sistem-sistem pembayaran dan penyelesaian. Penyediaan sesuatu prasarana yang sesuai bagi menggalakkan perkembangan pasaran bon ringgit adalah selari dengan objektif utama Bank Negara untuk mempromosi kestabilan struktur *monitory* yang teguh. Bank Negara telah pun menubuhkan beberapa sistem untuk menerbitkan tender, bon atau sekuriti hutang seperti *fully-automated system for issuing, tendering*, penyebaran maklumat berhubung urus niaga berkaitan bon seperti *Bond Information and Dissemination System* dan sistem pembayaran dan penyelesaian seperti *Real Time Electronic Transfer of Fund and Securities*.

Oleh yang demikian, Bank Negara perlu diberikan kuasa secara nyata untuk menjalankan fungsi-fungsinya dalam membangunkan pasaran bon ringgit. Bagi maksud ini, seksyen baru 44A hingga 44D dimasukkan ke dalam Akta Bank Negara.

- (f) Penalti bagi ketidakpatuhan arahan Bank Negara. Bagi memastikan keberkesanan arahan Bank Negara yang dikeluarkan menurut Seksyen 16B(7), 44B, 44C(2) dan 44D(2) Akta Bank Negara adalah wajar bagi Seksyen 51, Akta Bank Negara dipinda untuk menjadikan pelanggaran arahan tersebut satu kesalahan yang boleh dikenakan penalti.

- (g) Kuasa bagi mengenakan caj dan *fees*. Berkaitan keperluan kos meningkat yang dialami oleh Bank Negara untuk mengadakan perkhidmatan dalam menguatkuasakan undang-undang yang di bawah kawal seliaannya dan penyediaan infrastruktur penting, peruntukan undang-undang yang jelas adalah perlu bagi Bank Negara untuk mengenakan caj dan *fees* yang sesuai ke atas perkhidmatan yang diberikannya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama secara terperinci yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi Tajuk Ringkas Akta yang dicadangkan, iaitu Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Bank Negara dengan memasukkan suatu takrif baru, iaitu *Syariah Advisory Council*.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta Bank Negara dengan memasukkan perenggan baru (*ca*) bagi mengadakan peruntukan tentang objektif Bank Negara, iaitu untuk menggalakkan sistem pembayaran dan penyelesaian yang diyakini, cekap dan lancar yang bermanfaat bagi Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16B ke dalam Akta Bank Negara. Seksyen baru 16B mengadakan peruntukan tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi Bank Negara tentang perkara-perkara syariah berhubung dengan industri kewangan Islam.

Peruntukan yang dicadangkan menyatakan peranan dan fungsi Majlis Penasihat Syariah, termasuklah pelantikan anggota-anggota Majlis Penasihat Syariah dan pembayaran saraan mereka oleh Bank Negara. Peruntukan yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa Bank Negara hendaklah berunding dan mematuhi nasihat Majlis Penasihat Syariah dan memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengeluarkan arahan bertulis kepada mana-mana orang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam.

Bank Negara juga dibenarkan untuk menubuhkan urus setia dan jawatankuasa bagi membantu Majlis Penasihat Syariah dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta Bank Negara bagi mengelakkan sebarang kekeliruan undang-undang. Peruntukan-peruntukan tertentu seksyen baru ini akan diberi kuat kuasa mulai dari 2 Ogos 1996.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta Bank Negara dengan memasukkan subseksyen (1A), untuk memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk membuat penyelarasan berhubung urusan yang dibenarkan mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen 30A ke dalam Akta Bank Negara bagi memberi Bank Negara kuasa untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia yang berhubung dengan perkhidmatan perbankan dan kewangan.

Seksyen ini juga memberi Bank Negara kuasa untuk memberi, menderma, meminjam atau mendahulukan apa-apa jumlah wang yang perlu bagi penubuhan dan operasi pertubuhan perbadanan itu, mengadakan dan menguruskan suatu dana bagi perbelanjaan pertubuhan perbadanan itu.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta Bank Negara dengan memasukkan subseksyen baru 4, 5 dan 6 bagi memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menghendaki institusi perbankan yang gagal untuk mematuhi syor-syor yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia menurut subseksyen 37(1) Akta Bank Negara berhubung dengan

pemberian pendahuluan dan pengeluaran kemudahan kredit untuk meletakkan sejumlah wang sebagai deposit dengan Bank Negara Malaysia.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta Bank Negara Malaysia untuk memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk membuat apa-apa transaksi dengan institusi perbankan atau institusi kewangan yang lain mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah dalam hal mengenai pinjaman dan biasiswa yang dipinjamkan atau diberikan oleh Bank Negara.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 44A, 44B, 44C dan 44D ke dalam Akta Bank Negara. Bank Negara perlu diberikan kuasa secara nyata untuk menjalankan fungsi-fungsinya dalam membangunkan pasaran bon Ringgit. Seksyen baru 44B bertujuan untuk membolehkan Bank Negara menubuhkan atau mengendalikan sistem-sistem bagi pasaran sekuriti hutang seperti System Real Time Electronic Transfer of Fund and Security (Rentas), Fully Automated Security, Issuing, Tendering (FAST), Bon Information and Dissemination System (BIDS) dan Depositori Sepusat bagi sekuriti hutang.

Seksyen baru 44C bertujuan untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan maklumat berhubung dengan pemegangannya atau urus niaganya dengan sekuriti hutang yang telah didepositkan dan maklumat tentang sama ada pemegang atau urus niaga itu adalah bagi pihak penama dan jika sedemikian, identiti penama itu.

Seksyen 44D bertujuan untuk membolehkan Bank Negara melarang mana-mana orang daripada menjalankan urus niaga sekuriti yang telah didepositkan dalam hal keadaan yang diperkatakan dalam peruntukan itu.

Fasal 10 bertujuan meminda subseksyen 49(2) bagi memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk mengadakan pembiayaan secara Islam kepada pegawai atau pengkhidmat Bank Negara.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 51 Akta Bank Negara dengan menjadikannya suatu kesalahan iaitu:

- (a) bagi pelanggaran Arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Bank Negara di bawah seksyen baru 16B(7); dan
- (b) bagi pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen baru 44B(3) bagi kegagalan untuk mengemukakan maklumat yang dikehendaki oleh Bank Negara di bawah subseksyen-subseksyen baru 44C(2) dan 44D(2).

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk mengenakan fi dan caj bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya berhubung dengan fungsinya di bawah Akta Bank Negara dan undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan cadangan untuk memasukkan seksyen 16B mengenai penubuhan Majlis Penasihat Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di dalam Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003, beberapa pindaan berbangkit akan dibuat ke atas Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984 dan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Cadangan akta di atas dibuat setelah mengambil kira kepentingan Malaysia untuk melaksanakan suatu undang-undang bagi memastikan Bank Negara akan dapat menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang dimandatkan kepadanya dengan berkesan. Melalui rang undang-undang yang disyorkan ini, saya yakin Bank Negara akan dapat menyumbang dua perkara penting iaitu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara secara amnya serta pengukuhan prasarana perbankan dan kewangan Islam melalui piawaian syariah daripada Majlis Penasihat Syariah dalam mengawal selia aktiviti perbankan Islam, kewangan pembangunan Islam dan Takaful bagi memastikan ianya sejajar dengan tuntutan syarak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah membuat *ruling* bahawa dalam Dewan yang mulia ini, Ahli yang mempengerusikan mesyuarat disebut Tuan Yang di-Pertua sahaja sebab Pengerusi silih berganti dan untuk menghilangkan apa-apa kekaburan memadai dengan panggilan sebagai Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menjemput Ahli Yang Berhormat menyokong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

12.20 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya dibenarkan mengambil bahagian dalam pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Pindaan) 2003. Selepas mendengar huraian-huraian yang dibuat semasa pembentangan rang undang-undang ini, maka saya sangat bersetuju bahawa sistem perbankan kita itu perlu mendapat keyakinan. Dan saya tumpukan komen saya kepada beberapa bahagian yang telah dicadangkan sama ada ditambah ataupun dipinda.

Yang pertama ialah seksyen 4 iaitu ada dicadangkan di dalam pindaan-pindaan ini bahawa perenggan (ca) itu dimasukkan dan (ca) ini ialah satu peruntukan supaya menjelaskan objektif baru BNM dan objektif baru ini ialah untuk menggalakkan pembangunan dan instrumen pembayaran yang boleh dipercayai, cekap dan lancar untuk Malaysia. Kalau demikian, ini adalah satu harapan yang harus disokong oleh semua lapisan rakyat kita di Malaysia ini.

Baru-baru ini di negeri saya sendiri menghadapi masalah dari segi sistem perbankan di Malaysia ini iaitu negeri Pulau Pinang dan bukan sahaja negeri Pulau Pinang tetapi di negeri Melaka dan juga di negeri Sabah telah juga menghadapi masalah kerana sistem perbankan telah cuba diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu, dan akibat daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengalami kerugian, iaitu beberapa cek palsu telah diluluskan sungguhpun kita ada sistem yang ketat di bawah sistem sekarang.

Jadi, kalau ini boleh berlaku kepada satu kerajaan negeri dan bukan sahaja satu kerajaan negeri tetapi tiga kerajaan negeri di Malaysia kita mengalami masalah ini, bagaimana rakyat jelata boleh ada keyakinan kepada kawalan BNM itu kalau perkara macam ini boleh berlaku? Tiap-tiap hari beribu-ribu cek telah dikeluarkan. Kalau sistem perbankan kita menghadapi masalah di mana pihak-pihak tertentu boleh mengambil kesempatan untuk meniru cek-cek itu, dan selepas itu kita mengalami kerugian tanpa perbuatan kita sendiri. Kita mengharapkan bahawa pihak berkuasa itu akan mengawasi perkara ini dan perkara semacam ini tidak harus berlaku.

Jadi, pihak kerajaan negeri saya telah mengalami kerugian lebih daripada RM3 juta kerana masalah ini. Sungguhpun siasatan polis telah dijalankan tetapi BNM nampaknya telah berdiam diri dalam perkara ini. Jadi, kalau kita mahukan rakyat kita yakin kepada sistem yang diawasi oleh Bank Negara Malaysia kita, maka kita mesti nampak tindakan-tindakan yang jelas yang telah diambil. Akhirnya, masalah ini telah diselesaikan. Kerajaan negeri telah diberi ganti rugi, dan akibat daripada itu, perkara ini pun telah senyap tetapi adakah itu akhirnya? Adakah kita mengadakan satu sistem di mana kita ada cukup keyakinan bahawa perkara-perkara macam ini tidak berlaku?

Tiap-tiap hari saya buka komputer saya, saya buat transaksi dengan bank saya melalui komputer. Saya pindah duit dari akaun ke akaun lain, saya buat pembayaran dan sebagainya melalui sistem yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Adakah sistem ini kukuh? Adakah sistem ini membolehkan semua transaksi itu dijalankan dengan baik supaya saya tidak mengalami sebarang kerugian?

Tiap-tiap kali saya gunakan mesin ATM untuk mengeluarkan duit dan sebagainya, adakah proses itu boleh ditiru oleh pihak lain dan adakah saya perlu tiap-tiap hari semak akaun saya untuk menentukan sama ada kerugian tertentu telah berlaku? Pada saya, ini semuanya ialah peranan Bank Negara Malaysia yang penting untuk memastikan bahawa setiap rakyat kita tidak mengalami sebarang kerugian oleh kerana kami mengharapkan dan menaruh segala keyakinan kami kepada sistem yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya melihat perenggan (ca) yang dicadangkan itu dalam seksyen 4, saya memang sangat menyokongnya kerana pada saya ini adalah sangat tepat dan harus diadakan lebih awal dari sekarang, bukan sekarang sahaja kita mahu menggalakkan pembangunan dan instrumen pembayaran, yang boleh dipercayai, itu sangat penting, cekap dan lancar untuk negara kita. Kita semua setuju dan saya harap ini akan menjadi satu kenyataan sebaik-baiknya dari sekarang, bukan selepas ini diluluskan. Itu sudah patut menjadi objektif yang awal dari sekarang.

Kalau tidak, bagaimana kita boleh meyakinkan? Bila saya tanya kenapa ada orang-orang tertentu masih tidak mahu menggunakan kad ATM dan masih bersedia berbaris menunggu di kaunter untuk mendapatkan duit, mereka kata: "*Saya masih tidak ada keyakinan tentang sistem elektronik itu*". Bila saya tanya kawan-kawan saya bahawa saya telah buat pindahan duit dari komputer saya, kenapa pihak-pihak ini tidak berbuat demikian? Senang sahaja. Mereka juga kata: "*Saya tidak ada keyakinan terhadap sistem kawalan, sama ada ia boleh dicerobohi oleh pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan untuk memindahkan duit-duit kami*". Dan apabila mereka tanya saya, saya pun tidak boleh menjawab kerana saya pun tidak tahu sama ada sistem itu selamat ataupun tidak tetapi saya harapkan kepada Bank Negara Malaysia supaya dapat memainkan peranannya yang cukup berkualiti, cukup matang, supaya sistem yang diluluskan olehnya itu dilaksanakan dan dijalankan dengan baik.

Jadi, saya harap dengan pindaan kepada seksyen 4 yang ditambah perenggan (ca) ini, akan memberi keyakinan kepada sistem perbankan kita untuk pembayaran lebih mantap dan tidak mewujudkan sebarang masalah kepada kita.

Baru-baru ini semua pihak telah diminta menukarkan kad ATM kepada yang baru. Sungguhpun ini satu proses yang menyusahkan kita tetapi kita juga terpaksa ikut kerana kita diberitahu bahawa kad baru ini ada ciri-ciri keselamatan yang lebih baik – ada *chip* baru. Dahulu kad ini menggunakan *strip magnetic* tetapi sekarang menggunakan *chip* dan ini boleh memastikan bahawa tiada sebarang tiruan yang boleh berlaku. Saya haraplah tidak ada sebarang masalah yang akan berlaku. Mungkin tidak lama dari sekarang kita kena tukar lagi kerana pihak-pihak tertentu sudah dapat mencerobohi sistem itu dan ada masalah kehilangan duit dari mesin ATM.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan seksyen baru 30A. Di bawah seksyen baru 30A ini, Bank Negara Malaysia telah meminta kuasa untuk menubuhkan satu pertubuhan perbadanan bagi maksud latihan dan penyelidikan pembangunan sumber manusia yang ada hubung kait dengan perkhidmatan perbankan dan kewangan. Ini saya juga sangat mengalu-alukan kerana kita telah masuk ke satu era antarabangsa dengan adanya perjanjian WTO dan sebagainya, maka sistem antarabangsa akan masuk ke negara kita dan semua lapisan masyarakat yang ada kaitan dengan perbankan harus mendapat latihan yang termoden dan setanding dengan kehendak-kehendak globalisasi itu.

Memang bila kita menggunakan sistem kita, kita lihat hendak beli satu bank draf pun begitu banyak masalah. Itu duit sendiri hendak beli bank draf sahaja tetapi masih juga menghadapi banyak masalah. Jadi, bagaimana kita dapat bersaing dengan pihak-pihak dari negara lain kalau sistem kita tidak dapat mengikut kemajuan sedunia. Dengan mengadakan latihan yang dicadangkan di bawah seksyen baru 30A, saya harap semua pegawai kita dapat didedahkan kepada proses-proses dan juga sistem-sistem yang moden dan yang menggunakan kemajuan-kemajuan yang progresif supaya sistem perbankan kita dapat diperkukuh lagi demi kebaikan negara.

Semua pihak yang ada kaitan dengan perbankan itu harus didedahkan kepada konsep-konsep baru. Dengan mengadakan peruntukan ini, saya yakin bahawa semua pihak itu dapat melihat bahawa kita harus memperkenalkan sistem-sistem baru di Malaysia tetapi satu lagi harapan saya ialah seperti biasa supaya janganlah bila kos latihan meningkat, bila kos untuk sistem itu meningkat maka sumber kewangan itu dicari daripada pengguna. Janganlah kerana sistem yang dimajukan oleh Bank Negara Malaysia ini maka bank-bank dikehendaki memberikan latihan dan sebagainya, kerana latihan ini akan dibiayai sendiri oleh bank-bank sendiri sungguhpun dimajukan dahulu oleh Bank Negara Malaysia tetapi kemudiannya BNM akan kutip balik perbelanjaan ini daripada tiap-tiap bank yang ada di negara kita.

Saya harap jangan kerana ini maka caj itu dikenakan kepada pengguna-pengguna sistem itu. Sungguhpun kita berikan latihan dan latihan itu amat digalakkan dan dialu-alukan tetapi jangan menggunakan kesempatan itu untuk menaikkan kos perbankan. Saya harap dengan mengadakan seksyen baru 30A itu, sistem perbankan kita akan dimodenkan supaya ia dapat mengikuti perkembangan semasa dan sistem perbankan kita selaras dengan sistem yang ada. Saya telah banyak kali membandingkan sistem kita dengan sistem yang ada di negara-negara lain. Semasa saya masih menuntut di universiti, saya telah melihat bahawa di negara itu, iaitu United Kingdom, menggunakan sistem yang begitu maju kalau dibandingkan dengan sistem yang kita laksanakan di Malaysia ini.

Jadi, dengan adanya latihan-latihan, dengan memperkenalkan konsep-konsep baru, saya haraplah tidak lama lagi, semua lapisan pengguna sistem perbankan kita akan diberi satu lagi perkhidmatan yang lebih cemerlang dan lebih baik dan saya harap ia akan digunakan terus sebaik sahaja pindaan-pindaan 30A itu diluluskan.

Kemudian, saya ingin menyentuh sedikit tentang seksyen baru 44A, 44B, 44C dan 44D, iaitu empat seksyen baru yang akan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia dalam membangunkan pasaran bon ringgit dan ini akan berkuat kuasa sejak 1 Januari 1990. Ini bukan satu perkara yang baru dan memang sudah dilaksanakan. Saya harap dengan adanya seksyen baru ini, ia akan memperkuatkan lagi peranan Bank Negara Malaysia, dan pasaran bon ringgit itu akan dibangunkan dengan lebih teratur dan agendan yang dibenarkan atau yang dilesenkan untuk mengambil bahagian dalam perkara ini, akan sentiasa diawasi oleh Bank Negara Malaysia supaya tidak ada sebarang penyelewengan yang boleh berlaku dan merosakkan imej negara kita.

Itu yang penting. Memang kuasa yang dipohon itu satu kuasa yang baik, yang harus diberikan, dan sungguhpun tarikh kuat kuasanya yang ditetapkan seolah-olah telah dimulakan pada tahun 1990, saya juga sangat menyokong perkara ini. Apa yang saya mahu lihat ialah suatu sistem yang baik dan yang boleh meyakinkan pengguna dan akhirnya akan membawa faedah yang baik kepada sistem perbankan Malaysia kita. Itu yang penting, dan apabila Bank Negara meminta supaya diberi kuasa-kuasa ini maka saya setuju bahawa ia harus diberi, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, itulah komen-komen saya dalam pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia. Saya harap dengan adanya pindaan-pindaan ini kita boleh mewujudkan satu sistem yang lebih kukuh, diawasi dengan lebih baik oleh Bank Negara Malaysia dan masalah yang telah saya bangkitkan itu tidak akan wujud. Dan pihak-pihak tertentu juga tidak dapat mengambil kesempatan untuk menipu mana-mana pihak pun dan apa yang berlaku di Pulau Pinang, Melaka dan juga Sabah tidak harus berlaku langsung. Saya harap

Bank Negara Malaysia akan memainkan satu peranan yang lebih proaktif supaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku langsung.

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri.

12.45 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara 1958, Pindaan 2003. Saya akan cuba menarik perhatian hanya kepada permohonan ataupun pindaan yang mana Bank Negara meminta kuasa supaya ditubuhkan sebuah Majlis Penasihat-penasihat Syariah bagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak bertentangan dengan syariah.

Saya menyokong penuh pindaan ini kerana melalui kuasa-kuasa yang diberikan kepada Bank Negara bagi membolehkannya membentuk Majlis Penasihat Syariah ini, kita mengharapkan akan meningkatkan lagi kepercayaan terutama sekali umat Islam kepada Bank Negara dan juga bank-bank yang beroperasi secara Islam.

Tadi sewaktu Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan membentangkan bahawa sesungguhnya akibat daripada pindaan ini akan berlaku juga beberapa pindaan kepada beberapa akta yang lain, di antaranya ialah akta yang berkaitan dengan *Islamic Banking Business* 1983, Akta Takaful dan juga *Islamic Financial Business*. Ini juga memerlukan kepada pindaan. Yang berkaitan dengan penubuhan ataupun pembentukan sebuah Majlis Penasihat Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan dengan pindaan ini, Majlis Penasihat Syariah yang melalui pindaan ini dapat diperkukuh kerana walaupun sebelum ini telah ada sebuah Majlis Penasihat Syariah yang telah dibentuk tetapi melalui pindaan ini, Majlis Syariah ini telah diperkukuh melalui penguatkuasaan sebuah undang-undang yang dicadangkan pindaannya yang sedang kita bahaskan sekarang ini.

Memanglah kita mengharapkan bahawa melalui Majlis Penasihat Syariah ini, banyak sistem perbankan Islam ataupun sistem kewangan Islam akan dapat diperkenalkan, yang saya yakin bahawa sesungguhnya ianya bukan sahaja terbuka kepada orang Islam, malah terbuka ataupun dapat dipergunakan oleh orang-orang yang bukan Islam setelah mereka melihat betul-betul bahawa sistem kewangan ataupun sistem perbankan dan kewangan Islam itu sangat munasabah dan tidak akan berlaku sebarang penganiayaan dan penindasan kalau sekiranya ianya dijalankan dengan baik.

Ada banyak perkara yang perlu diperkenalkan, insya-Allah mudah-mudahan sesudah Majlis Penasihat ini kita perkukuh dengan suatu kuasa undang-undang misalnya sekarang ini mungkin setengah orang Islam pun, tidak tahu apa dia skim ataupun skim murabahah misalnya, skim mudarabah, skim musyarakah dan sekarang ini sedang diperkenalkan suatu skim bai-bithaman ajil, jual bayar bertanggung ataupun bayar ansuran.

Semuanya ini ada dalam sistem perbankan Islam dan juga sistem kewangan Islam tetapi ianya tidak diperkenalkan. Perbezaannya ialah bahawa sesungguhnya sistem perbankan Islam dan juga sistem kewangan Islam ini tidak mengambil riba tetapi ia dibenarkan mengambil keuntungan, terutama sekali riba yang berganda. Kadang-kadang seorang pembeli rumah misalnya, seperti yang ada sekarang ini selain harga rumahnya kemudian disandarkan kepada bank, bank pula mengenakan bunga yang berlipat ganda dan kita mengharapkan supaya Majlis Syariah akan dapat menasihatkan Bank Negara dan juga Majlis-majlis Penasihat Syariah kepada bank-bank, institusi kewangan, takaful yang mungkin juga akan mengambil kira tentang keadaan ini dan memang dicadangkan supaya bank-bank yang terlibat dengan kewangan Islam, mereka juga hendaklah meminda sesuai dengan pindaan ke atas Akta Bank Negara ini.

Jadi, dengan yang demikian itu, kita harapkan supaya keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Islam ini dapat kita tingkatkan dan ianya bukan sahaja untuk rakyat Islam di negara kita ini tetapi ianya juga terbuka sebagaimana yang saya katakan tadi, kepada orang-orang yang bukan Islam yang nantinya akan melihat bahawa sistem perbankan dan juga sistem kewangan Islam setelah mendapat nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah ini akan dapat memperkenalkan dengan sebaik-baiknya kepada seluruh rakyat negara kita ini dan mudah-mudahan rakyat negara kita akan turut serta seperti yang ada sekarang ini, bukan sahaja orang yang menggunakan bank Islam itu terdiri daripada umat Islam tetapi juga orang-orang yang bukan Islam atau rakyat Malaysia yang bukan Islam, malah juga orang-orang yang datang dari luar yang kita fahamkan banyak menggunakan bank Islam ini.

Selain daripada itu, saya juga mengharapkan tentang pelantikan anggota. Anggota kepada Majlis Penasihat Syariah ini walaupun kita telah digambarkan di dalam pindaan ini bahawa mereka mestilah orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang syariah juga bidang ekonomi dan bidang kewangan Islam.

Saya mengharapkan supaya orang-orang yang akan kita lantik, di samping telah dimohon supaya yang sudah sedia ada ini diterima pakai dahulu sebelum Akta ini diluluskan, maka selepas itu akan dilantik anggota-anggota Majlis Penasihat Syariah ini dan kita harapkan semoga anggota Majlis Penasihat Syariah ini bukan sahaja memberikan pandangannya kepada bank Islam ataupun institusi kewangan Islam dan juga takaful yang beroperasi secara Islam tetapi kita harapkan juga pandangan mereka ini dapat disebarkan oleh pihak bank Islam sendiri kepada orang ramai supaya orang ramai akan dapat melihat bagaimana baiknya sistem perbankan Islam, sistem kewangan Islam dan juga sistem takaful ataupun insurans yang berlandaskan kepada syariat Islam itu.

Kita yakin bahawa tiada sebarang bentuk penganiayaan dan penindasan akan berlaku jika sistem ini dijalankan dengan baik dan penasihat-penasihat ataupun anggota penasihat Majlis Syariah Bank Negara ini, dapat memberikan ruang kepada mereka supaya mereka juga dapat memberikan pandangan bukan sahaja kepada institusi kewangan malah juga kepada orang ramai, kita memohon sedikit kebebasan kepada Ahli jawatankuasa Majlis Penasihat ini supaya mereka dapat melalui pembiayaan Bank Negara misalnya dapat memberikan kursus-kursus, ceramah-ceramah mengenai sistem perbankan Islam, sistem kewangan Islam dan juga sistem takaful Islam, bukan sahaja kepada masyarakat Islam tetapi juga kepada masyarakat orang bukan Islam.

Mudah-mudahan dengan yang demikian itu, pertama sekali hasil yang kita boleh ambil ialah mereka dapat membuat perbandingan kerana selama ini mungkin ada sesetengah daripada rakyat negara kita ini melihat, apabila disebut sahaja sistem perbankan Islam, takaful Islam, mereka melihat seolah-olah ia hanya diberikan ruang kepada orang-orang Islam.

Maka kita mengharapkan bahawa sesungguhnya dengan penjelasan-penjelasan nanti yang akan diberikan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara ini dan mendapat pula sokongan daripada Bank Negara sendiri, maka operasi ataupun pemahaman kepada sistem perbankan Islam ini dapat disampaikan kepada seluruh rakyat melalui Majlis Penasihat Syariah ini.

Sebab itulah kita melihat bahawa sesungguhnya dari segi pandangan Islam, kalau kita melihat dari segi politik ya, kalau dari segi politik pun sebab itu ulama-ulama Islam mentakrifkan, politik itu dia kata dalam bahasa Arab, saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, dia kata pengertian politik itu ialah dahulu zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman dia selalu tidak kata politik, zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman, dia kata siasah, mana-mana saya mengikuti Tunku Abdul Rahman berceramah dia kata siasah di kampung, siasah di bandar pun dia bercakap tentang siasah.

Jadi, siasah ini menurut pengertian Islamnya ialah *iqamatuddin*, ada juga setengah ulama dia kata *hirasyatuddin*, *wasiasatudduniabihi* maknanya *iqamatuddin* menegakkan agama. *Hirosyatuddin* menjaga, memelihara agama, *wasiasatuddunia* dan mengurus dunia dengan agama.

Maka dengan sebab itulah mengurus bank, mengurus takaful, mengurus syarikat-syarikat kewangan ini termasuk dalam bahagian dunia tetapi dari segi Islam, ianya tidak terpisah langsung daripada pengertian politik Islam ataupun siasah Islam itu.

Mudah-mudahan dengan adanya Penasihat Syariah ataupun Majlis Penasihat Syariah Bank Islam ini, mereka akan dapat memperkenalkan suatu sistem perbankan Islam, kewangan Islam, takaful Islam yang tidak terpisah dari segi pandangan politik Islam itu sendiri dalam usaha kita untuk membina dan membangun serta memajukan negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Jadi dengan yang demikian, kita harapkan akan hilanglah sebarang apa juga bentuk keraguan di kalangan orang-orang yang bukan Islam terhadap pandangan Islam itu sendiri kerana ada setengah mereka sekarang ini apa lagi apabila ianya diputarbelitkan oleh ejen-ejen Amerika bila sebut perkataan Islam, tergambarlah di kalangan sesetengah orang-orang Islam dia kata kononnya ini ganas, ini anjuran pengganas, ini anjuran penjahat, ini anjuran samseng dan sebagainya.

Jadi, ini harus kita halang sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan pandangan-pandangan yang seperti ini apabila kita sebut sahaja misalnya perbankan Islam, mungkin ada orang-orang ataupun ejen-ejen Yahudi, Israel, yang hendak lumpuhkan usaha-usaha yang kita buat ini.

Maka dengan sebab itu kita perlu perkukuhkan, apa lagi kita baru-baru ini telah menjadi tuan rumah kepada Sidang OIC. Barangkali ini juga dapat menggembleng tenaga seluruh negara-negara umat Islam di dunia ini menyertai sistem perbankan Islam yang kita perkenalkan sesudah ianya mendapat nasihat dan diperkukuh melalui pandangan-pandangan Majlis Penasihat Syariah ini.

Saya percaya walaupun Bank Islam telah diperkenalkan terutama sekali dahulu sepanjang ingatan saya, saya telah ditemui oleh beberapa orang pengarah bank, Bank TAQWA di Switzerland tetapi bank ini diruntuhkan oleh ejen-ejen Yahudi dan Amerika. Bank TAQWA ini sekarang hartanya telah dibekukan oleh pihak Amerika kerana ianya beroperasi secara Islam dan memberikan bantuan-bantuan kewangan kepada sesetengah negara dan sesetengah yayasan Islam di dunia untuk membantu ekonomi umat Islam, untuk korporat-korporat yang ingin memperkenalkan sistem Islam itu seperti takaful Islam, misalnya dengan bantuan mereka ini takaful Islam telah dapat diperkenalkan di Kuwait dan di beberapa negara umat Islam di Timur Tengah tetapi ianya beroperasi di Switzerland.

Ini yang saya tahu dan mereka sahabat saya, seorang daripada pengarahnya Ghalib Himmat namanya, seorang rakyat Syria yang pindah ke sana dan beliau inilah yang bertanggungjawab membentuk, menubuhkan, dan menjalankan Bank TAQWA itu, walaupun ianya berpusat di Switzerland.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kita mengharapkan supaya industri kewangan Islam ini, ianya bukan sahaja melibatkan, tadi telah disebut oleh Setiausaha Parlimen tentang industri bon, bon ini pun sebenarnya kalau kita perhatikan ada juga yang dibenarkan oleh syariat tetapi kita mengharapkan supaya Majlis Penasihat Syariah ini akan dapat betul-betul melihat, mengkaji dengan sesungguhnya supaya semua sistem ekonomi yang ada di dalam Islam itu dapat diketengahkan melalui Majlis Penasihat Syariah ini pada masa-masa yang akan datang.

Saya percaya kalau sekiranya Majlis Penasihat Syariah ini diberikan peranan dengan sebaik-baiknya, mudah-mudahan ianya akan dapat dimanfaatkan oleh mana-mana jua bank yang cuba ataupun yang berusaha untuk membuka kaunter Islamnya masing-masing.

Selain daripada itu, saya juga berterima kasih, saya ucapkan syabas kerana ada disebut dalam pindaan ini, di mana pihak bank meminta supaya ianya boleh memberikan pinjaman....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung setelah Dewan bersidang semula.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan dan Dewan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.31 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri untuk menyambung ucapan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung ucapan saya yang telah saya sampaikan pada tengah hari tadi, saya ingin menyentuh Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 519 untuk memberi Bank Negara kuasa, untuk membuat apa-apa transaksi bagi mana-mana institusi perbankan atau institusi kewangan yang lain mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah, bagi maksud pinjaman dan biasiswa yang dipinjamkan atau diberikan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat memahami daripada pindaan ini bahawa pindaan ini memberi kuasa kepada pihak Bank Negara untuk membuat transaksi, terutama sekali kita harapkan kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Bank Negara itu supaya dapat diberikan pinjaman kepada mereka dan juga mahasiswa-mahasiswa dan mahasiswi-mahasiswi, juga dapat diberikan pinjaman setelah mendapat nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah supaya pinjaman-pinjaman itu hendaklah diasaskan kepada kehendak-kehendak syariah Islam itu, di mana mereka tidak akan dikenakan bunga ataupun faedah yang seperti mana dikenakan oleh bank-bank biasa.

Jadi, kita mengharapkan bahawa dengan pindaan ini, Bank Negara akan dapat membuat ataupun dapat menguruskan terutama sekali kepada pegawai dan kakitangannya, sekurang-kurangnya dapat meringankan beban pegawai-pegawai, kakitangan dan mahasiswa-mahasiswa ataupun pelajar-pelajar kita. Ini kerana, sekarang walaupun Perlembagaan kita memberikan jaminan bahawa anak-anak bumiputera mestilah mendapat biasiswa, tetapi sekarang biasiswa itu, boleh kita katakan sudah berkurangan jika dibandingkan pada tahun-tahun 80-an ataupun tahun 90-an, kerana sekarang ini semua pelajar kita, apabila mereka dapat melanjutkan pelajaran di peringkat universiti, mereka bukan diberikan biasiswa, tetapi mereka terpaksa membuat pinjaman daripada badan-badan tertentu seperti MARA dan lain-lain.

Jadi, mudah-mudahan dengan pindaan ini, Bank Negara akan dapat menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya setelah mendapat nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah ini supaya orang-orang yang sepatutnya mendapat pinjaman tanpa faedah ini akan diutamakan oleh pihak Bank Negara, terutama sekali pegawai dan

kakitangannya dan juga pelajar-pelajar kita. Selain daripada itu, saya katakan tadi bahawa untuk meningkatkan kepercayaan kepada rakyat negara ini, sama ada yang beragama Islam ataupun bukan beragama Islam, saya difahamkan atau saya telah diberitahu bahawa sekarang ini, ramai orang yang bukan Islam telah membuat simpanan tetap mereka di Bank Islam. Saya tanya tadi Dato' Dr. Chin Fook Weng, dia pun mengaku bahawa ramai orang Cina, membuat simpanan mereka di Bank Islam ataupun Bank Muamalat.

Ini, menurut beliau, katanya ialah kerana bank yang beroperasi secara Islam ini dapat memberikan keuntungan yang lebih daripada bank-bank biasa. Itu menurut kata Dato' Dr. Chin Fook Weng, saya mohon izin tadi untuk mengambil kata-kata beliau, untuk saya sampaikan di sini. Itu, mengikut pandangan dan kajian beliau. Mudah-mudahan dengan adanya pembentukan Majlis Penasihat Syariah ini, kita mengharapkan ianya akan dapat berperanan. Selain daripada itu, mengikut pindaan ini juga, Bank Negara diberi kuasa untuk membentuk urus setia bagi membantu perjalanan Majlis Penasihat Syariah itu.

Dengan yang demikian, kita harap supaya Majlis Syariah ini akan betul-betul dapat memainkan peranan dan menggunakan pengaruhnya sehingga bukan sahaja di Bank Negara malah oleh bank-bank lain, dengan itu akan bertambahlah sistem perbankan Islam dan juga takaful yang berasaskan kepada Islam berkembang di negara kita ini, dan akan disertai oleh semua rakyat negara ini tanpa perbezaan.

Dengan yang demikian juga, sekali gus seperti saya katakan tadi, akan menghilangkan ataupun akan melenyapkan gambaran yang telah cuba diwar-warkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, terutama sekali orang-orang yang terikut-ikut dengan telunjuk ejen Amerika bagi membunuh ekonomi negara-negara umat Islam. Maka, mereka cuba menakut-nakutkan rakyat, terutama sekali di negara-negara umat Islam supaya tidak menyokong sebarang apa juga projek yang hujungnya ataupun dinamakan projek Islam.

Kita perhatikan sekarang ini di mana-mana, mereka telah berusaha untuk menanamkan rasa kebencian di kalangan rakyat dunia supaya rakyat takut kepada apa juga yang dinamakan Islam. Kita harap melalui usaha yang dibuat oleh Bank Islam ini, kita dapat mengajak seluruh umat Islam terutama sekali yang menjadi anggota OIC akan dapat memberikan sumbangan, akan dapat mengambil perhatian yang sebaik-baiknya supaya sistem perbankan Islam setelah mendapat nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah ini dapat dikembangkan dan sekali gus mudah-mudahan akan hilang dan melenyapkan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh musuh-musuh kita kerana mereka sedang menjalankannya dengan cara yang bersungguh-sungguh sekarang ini. Saya difahamkan, sampai ejen-ejen Amerika, Yahudi ini telah cuba untuk memujuk sesetengah kementerian di sesetengah negara Islam supaya mengubah sukatan pelajaran yang menyebutkan perkataan Islam ataupun yang ada di dalam sukatan pelajaran itu, memasukkan perkataan-perkataan "jihad" dan seumpamanya.

Padahal, bagi kita, dalam bidang ekonomi untuk menegakkan suatu ekonomi yang adil kepada rakyat, perlulah kita berjihad dalam bidang ekonomi. Jadi, mereka gambarkan kepada masyarakat dunia, bahawa apabila disebut perkataan "jihad" ini, macam perang sahaja. Padahal, dari segi Islam, bukan itu. Dalam banyak perkara yang memerlukan kepada jihad ataupun usaha yang bersungguh-sungguh, yang mesti dilakukan oleh umat Islam dan juga rakyat yang menyokong keadilan ekonomi, yang menyokong supaya kegiatan ekonomi dapat diselaraskan, dapat diagihkan dengan sebaik-baiknya di antara rakyat yang tinggal di dalam sesebuah negara.

Hatta, kalau mereka itu tinggal dalam sebuah negara Islam pun, rakyat yang bukan Islam itu mestilah mendapat layanan yang baik daripada pihak yang berkuasa sesebuah kerajaan, yang menjalankan kegiatan-kegiatan Islam yang berlandaskan kepada syariat Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, saya tidak akan membahaskan perkara-perkara yang lain, kerana sahabat saya Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi telah membahaskan tentang soal-soal yang sangat teknik, yang sangat seni mengenai penipuan dan sebagainya, saya tidak

berminat untuk membahas perkara-perkara yang tersebut kerana ianya telah dibahaskan. Maka, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui.

2.41 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk bangun berucap membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958. Saya memang mengalu-alukan rang undang-undang yang dicadangkan ini.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini memberi jaminan bahawa pihak kerajaan adalah sentiasa bersedia untuk menentukan yang perkhidmatan bank dan kewangan negara ini berada di tahap yang baik, sejajar dengan pembangunan negara. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4(ca) dibaca dengan seksyen 30A yang baru merupakan satu contoh yang sangat baik, di mana institusi-institusi kewangan di negara ini telah diperuntukkan dengan *proper platform to hold their competitive skills*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara mempunyai bidang khusus undang-undang yang luas dan komprehensif melalui pelbagai undang-undang yang telah diluluskan dari semasa ke semasa. Melalui Akta Bank Negara 1958 dan Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA), Bank Negara mempunyai peranan penting dalam menerajui untuk mengukuhkan infrastruktur kewangan dan bank-bank di negara ini. Di samping mempunyai undang-undang yang luas, tidak dinafikan Bank Negara juga mempunyai tenaga pakar dalam bidang kewangan yang merupakan aset yang sangat besar kepada negara ini. Bank Negara Malaysia di bawah Gabenor Tan Sri Dr. Zetty telah memandu sektor kewangan di negara ini dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya membaca petikan surat khabar The Sun bertarikh hari ini, di mana dilaporkan: "*Standard and Poor rating services has raised, it's long term ratings on Malayan Banking Berhad and Merchant Bank Berhad and Hong Leong Bank Berhad. Standard and Poor also revised the outlook on Bank Bumiputra Commerce Bhd. and RHB Bank Berhad to positive from stable*", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya di bawah kebijaksanaan Bank Negaralah, maka bank-bank tempatan di negara kita telah mampu bersaing dengan jaya, dengan bank-bank asing di rantau ini. Bank-bank tempatan kita telah menunjukkan kemajuan yang dinamik dan perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank tempatan semakin baik dan berinovatif. Satu contoh lagi yang saya boleh berkongsi di sini.

Tidak lama dahulu Public Bank pun sudah diiktiraf oleh *Asia Money Magazine* sebagai sebuah bank komersial yang terbaik di Malaysia berturut-turut selama tiga tahun, di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Tan Sri Dato Teh Hong Piow, Public Bank tidak pernah mempunyai masalah pengurusan. Salah satu kejayaan bank ini ialah kemampuannya memberi pinjaman kepada ramai pengusaha kecil dan sederhana. Penglibatan Public Bank dalam bidang ini patut mendapat pujian dan sewajarnya menjadi bank contoh kepada bank-bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, peri mustahaknya sektor perbankan dalam proses kemajuan ekonomi tidak perlu diperkatakan lagi. Memang tidak diketahui umum bahawa *banks are the lifeline of our economy*, dengan izin. Mereka memainkan peranan yang sangat besar dalam sektor perdagangan, industri, pertanian dan lain-lain, mengikut peredaran masa, tugas dan tanggungjawab bank juga turut berubah. Kalau dahulunya mereka berfungsi sebagai pengimbang wang, tetapi mereka kini merupakan peminjam wang yang terbesar. Di bawah kawalan Bank Negara, bank-bank dan institusi kewangan telah juga dipertanggungjawabkan dengan obligasi sosio untuk membantu orang-orang yang memerlukan pinjaman dan sektor sasaran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, antara bank-bank yang tertua di negeri Sarawak seperti Wah Tat Bank, Hock Hua Bank dan Kwong Lee Bank yang kesemuanya berasal dari Sibu telah pun bergabung untuk menubuhkan bank-bank yang lebih besar. Penggabungan ini sangatlah baik dan dipuji selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjamin supaya mereka boleh bersaing dengan bank-bank dari luar negara, untuk menghadapi cabaran globalisasi sistem kewangan dan mengambil faedah darinya. Dengan penggabungan juga, memerlukan organisasi bank dipertingkatkan seperti penggunaan komputer berkapasiti besar, teknik pengurusan termoden dan mengadakan prosedur yang mudah untuk pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita begitu ghairah untuk mempromosikan bank-bank kita mencapai taraf dunia, kita tidak boleh lupa tentang tanggungjawab bank-bank terhadap orang-orang kampung dan di luar bandar terutama di Sarawak yang memerlukan perkhidmatan bank. Perkembangan ekonomi dan perkhidmatan bank adalah saling bergantung kerana bank adalah penting dalam melibatkan orang ramai dengan proses pembangunan dan transformasi. Pembangunan yang berjaya sewajarnya melibatkan semua sektor ekonomi, semua penduduk dan apa yang lebih penting lagi ialah membawa mereka ke dalam ekonomi *main stream*, dengan izin.

Saya perhatikan beberapa cawangan bank di Sarawak telah ditutup. Sarawak sebagaimana yang saya telah banyak kali mengatakan di Dewan yang mulia ini adalah sebuah negeri sebesar Semenanjung Malaysia tanpa negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk bertaburan di seluruh pelosok negeri termasuk tempat-tempat kecil seperti Lundu, Saratok, Kanowit, Julau, Dalat, Mukah dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu dari pihak berkuasa apakah *ratio* bank dengan jumlah penduduk di Malaysia dan apa pula *ratio* dengan jumlah penduduk di Sarawak? Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan persoalan ini kerana jika bank tidak cukup, terlebih ataupun terlalu kurang untuk menampung keperluan orang-orang di luar bandar, mereka tidak mungkin menikmati pembangunan dan mencapai taraf hidup dengan lebih baik. Dengan lain perkataan, sampai bila pun masyarakat di luar bandar tidak boleh maju, ketinggalan zaman dan serba daif kerana sistem kewangan di negara ini hanya mementingkan masyarakat di bandar sahaja.

Jika ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, peminjam wang haram seperti ceti dan Along akan berleluasa di luar bandar. Memang kita semua tahu keberhutangan adalah punca banyak masalah sosial walau di mana-mana, dan jika ini berlaku di kalangan orang-orang luar bandar, mereka tidak ubah seperti jatuh ditimpa tangga. Dengan adanya sistem bank, maka peminjam wang haram telah kekurangan. Dalam hubungan ini, saya menggesa pihak yang berkuasa agar turut mengambil berat tentang kepentingan dan kebajikan penduduk di luar bandar seperti tidak menutup dengan sewenang-wenangnya cawangan bank di kawasan mereka. Bahkan jika kerajaan prihatin dengan nasib rakyat di luar bandar, cawangan bank harus lebih banyak dibuka untuk memberi perkhidmatan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini saya berharap bank-bank di bawah kawalan Bank Negara akan terus maju dan mampu untuk menghadapi persaingan yang lebih mencabar pada masa hadapan. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan mohon menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini untuk diluluskan dan dilaksanakan untuk kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh.

2.53 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958. Sistem pengendalian kewangan yang baik, teratur dan terkawal amat diharapkan oleh pelanggan dan juga pengguna bank yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat.

Saya mengalu-alukan pindaan seksyen 4 Akta 519 dengan memasukkan perenggan (ca) ke dalam seksyen ini bagi mengadakan peruntukan tentang objektif baru Bank Negara iaitu menggalakkan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran yang boleh dipercayai, cekap dan lancar untuk Malaysia. Ini juga selaras dan sejajar dengan kewujudan Sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang serba canggih, maju dan pantas dalam era globalisasi dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin menyentuh hal yang berkaitan dengan tempoh masa untuk dapat dengan izin, *clear* pembayaran cek *outstation* dan juga *local* daripada masa yang kininya masing-masing mengambil masa tujuh hari bekerja, dan tiga hari bekerja dapat diuruskan dalam masa yang lebih singkat lagi, bagi memberi kemudahan dan manfaat kepada pihak yang berurusan kerana masing-masing mempunyai bermacam masalah betapa mustahaknya penjelasan cek itu disegerakan untuk digunakan bagi menyelesaikan urusan kehidupan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi budaya kerja, berurusan dengan orang ramai dan pelanggan, sesetengah bank dikatakan cepat dapat berurusan kerana banyak kaunter dibuka, manakala ada setengah bank pula dikatakan *slow* kerana walaupun pelanggan ramai, tetapi hanya dua tiga kaunter sahaja dibuka. Adalah diharapkan dengan pindaan ini, situasi yang menyulitkan orang ramai tidak lagi timbul. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae.

2.56 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 di Dewan yang mulia ini, dan sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang baru sahaja mengangkat sumpah khususnya Yang Berhormat Datin Chong Set Mui, Yang Berhormat Datuk Kalakau bin Untol dan juga kepada rakan-rakan yang untuk kali keduanya, penggal kedua, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, kiri kanan ini dan juga Yang Berhormat Tuan M. Ratnam termasuk Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin yang tidak ada bersama kita pada sesi petang ini. Saya yakin bahawasanya dengan tambahan dua ahli daripada Sabah, insya-Allah banyak lagi sumbangan yang berkesan bukan sahaja untuk negeri Sabah, tetapi untuk negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, industri kewangan negara kini telah pulih sedikit demi sedikit daripada krisis kewangan yang melanda pada tahun 1997. Keperitan yang dirasakan oleh industri kewangan semasa berada dalam tempoh tersebut sememangnya tidak dapat dibayangkan. Namun berkat daya usaha gigih daripada Bank Negara Malaysia (BNM). Selaku Bank Pusat Malaysia, telah memperkenalkan pelbagai perubahan yang drastik ke atas perjalanan operasi industri kewangan dan perbankan negara termasuklah mengambil alih menggabungkan bank-bank yang ada di negara ini.

Ternyata langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia ini telah memberikan impak yang positif kepada industri kewangan dan perbankan. Ianya bukan sahaja dapat menyelamatkan industri ini daripada mengalami kemerosotan tetapi juga turut mengiktiraf

kembali operasi serta aktiviti kewangan di kalangan bank-bank tersebut. Langkah inilah yang telah membuka mata beberapa organisasi kewangan dunia termasuk Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) terhadap keupayaan Malaysia menangani sendiri masalah kewangan tersebut. Kita seharusnya berterima kasih terhadap apa yang telah diusahakan oleh Bank Negara Malaysia. Saya ucapkan syabas kepada Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang yang dibahaskan pada hari ini, saya ingin mengulas ke atas beberapa perkara yang saya fikirkan masih boleh dipertimbangkan lagi bagi memperkukuhkan fungsi Bank Negara Malaysia dalam membantu membangun industri kewangan dan perbankan negara.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah dalam Fasal 3 iaitu peruntukan untuk mengadakan objektif baru bagi Bank Negara Malaysia. Dalam peruntukan ini dinyatakan bahawa objektif baru yang akan dijadikan objektif Bank Negara Malaysia selanjutnya adalah untuk mengadakan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran yang boleh dipercayai, cekap dan lancar untuk Malaysia.

Pada hemat saya, objektif ini memanglah bagus terutamanya dalam membantu negara melancarkan pelbagai proses yang melibatkan aktiviti-aktiviti pembayaran. Walau bagaimanapun, apa yang perlu dipastikan di sini ialah objektif baru ini mestilah benar-benar boleh dicapai dan dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia. Ini adalah kerana sejak akhir-akhir ini kita telah dikejutkan dengan banyak kes yang melibatkan pembayaran ke atas cek-cek palsu. Lebih malang lagi apabila cek-cek yang dipalsukan itu melibatkan pembayaran akaun kerajaan-kerajaan negeri.

Semasa sesi pagi tadi iaitu sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan, kita telah diberitahu oleh Kementerian bahawa sebanyak 8 negeri yang terlibat dan jumlah yang besar iaitu RM6,814,498.27 telah dipalsukan dan tiap-tiap negeri telah disebutkan - daripada negeri Pulau Pinang, Johor, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan. Seperti mana yang kita harapkan, kita mahu apabila proses ini dapat diperbaiki, kes-kes seperti ini tidak akan berulang lagi. Sebab apabila kita hendak mencari jalan untuk mencari keyakinan rakyat menggubal undang-undang untuk memperkukuhkan sistem pentadbiran, maka kita berharap perkara-perkara yang telah disebutkan tadi tidak akan berlaku.

Selanjutnya, saya ingin juga menyentuh tentang Fasal 4, iaitu peruntukan yang membenarkan penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi Bank Negara Malaysia untuk menasihati Bank Negara Malaysia tentang perkara-perkara syariah berhubung dengan industri kewangan Islam. Penubuhan ini memanglah tidak perlu dipertikaikan kerana sebagai Majlis Penasihat, fungsinya kepada Bank Negara Malaysia amat jelas. Saya berkeyakinan bahawasanya memang di antara matlamat majlis ini ditubuhkan ialah untuk memastikan tidak ada aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan hukum-hukum syariah.

Cuma apa yang perlu kita awasi adalah tentang sumbangan majlis ini dalam membantu Bank Negara Malaysia menjalankan operasi kewangan Islam seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Hassan bin Haji Shukri. Di antara perkara yang perlu juga diambil kira ialah keanggotaan majlis ini mestilah ianya terdiri daripada orang-orang yang berkelayakan dari sudut agama, mungkin ulama boleh dimasukkan di situ, *economist* dari segi kemampuan dan kebolehan dalam bidang kewangan dan tidak wujud apa bentuk penindasan yang mungkin berlaku. Kita harus pastikan bahawa majlis ini benar-benar mampu menyumbang kepada pembangunan industri kewangan Islam kerana pada masa ini kebanyakan industri-industri kewangan di negara ini sudah mula mengaplikasikan sistem kewangan Islam dalam operasi dan aktiviti seharian mereka. Oleh itu keadaan ini sebenarnya dapat membantu dan membangunkan bukan sahaja kepada industri kewangan Islam itu sendiri, tetapi juga kepada industri kewangan negara secara keseluruhannya dan secara tidak langsung memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu dalam Fasal 6 di bawah akta ini juga turut menarik perhatian saya ialah mengenai fasal ini, saya ingin memohon penjelasan yang lebih lanjut daripada kementerian, adakah penubuhan perbadanan ini dikhaskan bagi pengambilan kakitangan untuk Bank Negara Malaysia sendiri atau juga turut melibatkan semua industri kewangan yang lain? Kedua ialah, apakah latihan dan pembangunan sumber manusia sebagaimana yang dimaksudkan dalam akta ini memfokuskan kepada kakitangan sedia ada yang berada dalam sesebuah industri kewangan atau untuk tujuan pengambilan kakitangan yang baru?

Jadi dengan persoalan saya yang sedemikian dan kata-kata yang telah saya utarakan, saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Lau Yin Pin.

3.05 ptg.

Datuk Lau Yin Pin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyokong rang undang-undang yang disampaikan di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bank Negara Malaysia kerana telah berjaya mewujudkan sistem perbankan Islam selain daripada sistem tradisional. Memang betul golongan masyarakat bukan Islam pun menyambut baik sistem perbankan secara syariah ini. Saya berharap dengan pindaan yang dibentangkan ini, Malaysia dapat menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur daripada rakyat-rakyat negara Timur Tengah datang ke Malaysia untuk melabur ataupun menyimpan duit mereka di negara kita ini. Selama ini ramai mereka daripada negara-negara Islam yang lain menyimpan wang mereka di Amerika Syarikat ataupun di negara-negara Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyentuh soal keyakinan sistem perbankan yang ada sekarang. Saya sendiri pun belum yakin dengan ATM *card* dan memang betul, saya pun tidak berkeyakinan dengan *electronic banking*. Ini adalah oleh kerana sistem yang ada sekarang masih tidak *full prove*, dengan izin. Selain daripada kecanggihan mesin, kejujuran manusia yang mengendalikan sistem itu pun juga penting.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini banyak bank telah mengeluarkan buku cek kepada pelanggan-pelanggan yang dicetak dengan perkataan '*Account Payee only*'. Tujuan ini mungkin hendak membanteraskan kesalahan mengurangkan kes-kes penipuan, tetapi dengan cara yang baru ini iaitu hanya mengeluarkan buku cek yang hanya membenarkan *account payee only*, walaupun ada syarat-syarat yang melonggarkan penggunaannya, tetapi seperti mana yang kita tahu terutama di bandar-bandar kecil ataupun di kampung-kampung, sukar bagi orang-orang biasa hendak membuka akaun bank dan pelaksanaan ini pun juga menyulitkan golongan yang berpendapatan rendah.

Dari segi ini, saya banyak menerima *complaints* dengan izin, daripada pekerja-pekerja, peniaga-peniaga kecil terutama daripada orang-orang yang tinggal di kawasan pedalaman. Mereka mengalami kesulitan apabila hendak menunaikan cek-cek itu lebih-lebih lagi seperti seorang Yang Berhormat tadi yang mengatakan cek-cek yang dimasukkan dalam bank itu mungkin mengambil masa tiga atau empat hari, baru dapat ditunaikan. Jadi apabila cek itu dikeluarkan dengan *account payee*, penerima-penerima cek itu tidak dapat menunaikan wang tunai pada hari itu juga. Jadi saya berharap dalam menjalankan langkah untuk membanteras jenayah-jenayah penipuan, Bank Negara hendaklah meneliti perkara ini dan mengarahkan bank-bank untuk mencari satu jalan yang lebih licin untuk keselesaan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Pindaan Akta Bank Negara Malaysia 1958. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

3.10 ptg.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003. Pertamanya, saya mengucapkan syabas di atas penubuhan Majlis Penasihat Syariah yang akan ditubuhkan yang saya yakin akan meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap sistem perbankan Islam. Saya juga berkongsi kebimbangan dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan keselamatan bank terutamanya pada era *paperless transaction*, dengan izin ataupun *internet banking* di mana tidak ada resit dan kalau sekiranya terdapat masalah dengan *printer* dan sebagainya, segala urusan niaga tidak dapat dibuktikan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, setakat manakah pihak kerajaan sendiri, khususnya Kementerian Kewangan telah menggunakan sistem perbankan Islam dalam urusan niaganya dan saya juga ingin tahu sejauh manakah penerimaan orang ramai terhadap sistem perbankan Islam berbanding dengan sistem perbankan konvensional. Pada ketika ini kita dengar banyak rungutan mengenai dengan pemberi pinjaman yang berleluasa sebagaimana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui, dengan adanya Along ataupun pihak-pihak yang memberi pinjaman yang kita lihat di jalan-jalan raya, di tempat perhentian bas, di mana sahaja dan sebagainya, ditampal cara-cara untuk membuat permohonan yang begitu mudah. Saya ingin tahu adakah perkara ini dalam pengetahuan ataupun di bawah penguasaan Bank Negara sebab kita lihat ramai rakyat akhirnya yang akan tertekan dengan pinjaman melalui ceti-ceti moden ini.

Saya juga ingin tahu adakah juga di dalam pengetahuan dan kawalan Bank Negara mengenai dengan *charges* dengan izin, ataupun dikenakan dengan.... [Disampuk]. Apa dia? Berkenaan 50 sen setiap urusan niaga menggunakan ATM yang dikenakan oleh sesetengah bank, di mana saya rasa akan membebaskan golongan yang berpendapatan rendah dan juga golongan pelajar terutamanya yang mana setiap kali mengeluarkan duit daripada ATM, dikenakan *charges*, dengan izin 50 sen. Dalam perkara ini, hanya bagi mereka yang mempunyai baki yang RM5,000 ke atas sahaja yang tidak akan dikenakan. Jadi saya memohon pandangan mengenai dengan perkara ini. Sekian, saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya menjemput Kementerian Kewangan menjawab. Saya tidak menjangkakan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 mendapat begitu banyak minat. Silakan.

3.13 ptg.**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bagi pihak Kementerian Kewangan untuk menyentuh beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh tujuh orang Ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, Yang Berhormat Datuk Lau Yin Pin dan yang akhir sekali, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani dan mungkin beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain tentang cek palsu yang agak menggemparkan kita baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa cek-cek yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan ianya tidak seragam di antara bank-bank.

Antara lain ini termasuk penggunaan kertas yang sensitif terhadap bahan kimia, *magnetic ink character recognition* (MICR), *watermark*, dakwat *ultraviolet*, penggunaan kertas bersekuriti, dakwat yang Larut apabila terkena air dan dakwat yang menunjukkan

kesan perubahan apabila dipinda dan ciri-ciri keselamatan yang sedia ada boleh dikenal pasti sekiranya kakitangan bank berwaspada dan berjaga-jaga.

Antara ciri-ciri keselamatan tambahan yang boleh digunakan ke atas cek adalah seperti berikut:

- (i) kertas cek keselamatan yang mempunyai benang berwarna pendek yang halus diadunkan dan ditebarkan ke atas keseluruhan kertas;
- (ii) mesin *readable feature* yang hanya boleh dibaca melalui cahaya *ultraviolet* untuk memastikan perbezaan di antara cek yang asli atau yang palsu; dan
- (iii) langkah untuk mengelakkan pengubahsuaian dengan menggunakan teknik percetakan di mana perkataan seperti '*void*' atau '*copy*' timbul apabila cek diubahsuai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan tadi bahawa kerugian melibatkan lebih daripada RM6 juta dalam penipuan cek palsu ini dan penggunaan cek palsu ini, maka pihak-pihak bank tersebut telah pun mengambil tanggungjawab ini dan sebagai kegagalan pihak bank untuk mengesan cek-cek palsu dan cek-cek yang tulen. Kebanyakan mereka ini telah pun membayar kembali kerugian yang dialami oleh kerajaan-kerajaan negeri tersebut.

Selepas ini, pegawai-pegawai bank akan lebih berhati-hati dalam usaha mengesan dan membezakan di antara cek palsu dengan cek yang tulen ini. Kesilapan itu telah pun berlaku dan ianya memberikan satu pengajaran kepada bank-bank supaya lebih berhati-hati di masa-masa yang akan datang untuk memastikan ataupun membezakan di antara cek-cek yang palsu dengan cek-cek yang tulen kerana di antara cek-cek yang palsu dengan cek-cek yang tulen ada ciri-ciri keselamatan yang telah saya sebutkan tadi dan banyak lagi ciri-ciri yang lain, dan jikalau bagi pihak bank dan pegawai-pegawai bank lebih teliti, lebih berhati-hati maka insya-Allah insiden seperti ini akan dapat kita elakkan dan dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang penipuan kad kredit dan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyentuh tentang kad kredit, yang mereka mengatakan bahawa kad kredit ini juga tidak selamat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani kes penipuan kad kredit ialah - dan Bank Negara sebenarnya untuk makluman sekalian, Bank Negara memang telah dan sedang terus berusaha untuk meningkatkan taraf sistem pembayaran di Malaysia dengan mengukuhkan keyakinan rakyat dengan sistem pembayaran yang lebih efisien.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah pengeluaran garis panduan banking melalui internet serta:

- (i) Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenai keperluan minimum pengurusan risiko dan penipuan bagi operasi kad kredit pada Julai 2002 yang perlu dipatuhi oleh pengeluar dan pemeroleh kad kredit;
- (ii) Institusi perbankan memantau institusi perniagaan yang berisiko tinggi dan mengenal pasti dengan izin, *common purchase point* di mana aktiviti penipuan dilakukan;
- (iii) memajukan sistem pemantauan kad kredit bagi meningkatkan *detection of fraud* dengan izin;

- (iv) persatuan kad kredit dan institusi perbankan menubuhkan Unit Koordinasi Pengurusan Risiko, dan dalam tahun 2001 bagi mempertingkatkan kerjasama di antara mereka bagi menangani penipuan kad kredit dan meningkatkan program dengan izin, *awareness* di kalangan para peniaga; dan
- (v) institusi perbankan bekerjasama rapat dengan pihak Polis Diraja Malaysia dalam membanteras aktiviti penipuan kad kredit dan seterusnya memperkenalkan kad kredit berasaskan cip. Sehubungan ini institusi pengeluar kad kredit sedang dalam usaha untuk menukar kad kredit yang sedia ada kepada kad kredit berasaskan cip menjelang tahun 2004.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesemua bank tempatan telah pun menggunakan teknologi cip dan alhamdulillah sejak penggunaan teknologi cip ini kita belum lagi menerima sebarang aduan tentang penipuan kad kredit. Setakat ini, teknologi cip ini adalah yang terkini, yang dapat kita fikirkan, yang dapat kita guna pakai dan tadi Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng kata, mungkin kita akan diminta untuk berubah kepada satu teknologi yang lain.

Sehingga setakat ini Tuan Yang di-Pertua, inilah teknologi yang terbaik dan kita belum menerima sebarang aduan tentang penipuan kad kredit dan nanti kalau berlaku ada orang lain yang lebih pandai daripada kita, nanti kita akan cari jalan lain untuk.... *outsmart* mereka ini.

Setakat ini, inilah satu sistem yang terbaik yang dapat kita fikirkan dan telah kita guna pakai dan akhirnya nanti bank-bank luar yang beroperasi di negara kita juga akan kita minta menggunakan teknologi cip ini. Tetapi, bagi bank-bank tempatan telah kita gunakan sepenuhnya dengan teknologi cip ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain ada menyatakan *concern*nya, dengan izin tentang pusat latihan yang ditubuhkan oleh seksyen baru 30(A). Untuk Yang Berhormat, pusat latihan *International Centre For Leadership In Finance* atau ringkasnya ICLF ini bukan sahaja untuk mendedahkan kakitangan kepada produk seperti bank draf, tetapi untuk meningkatkan kemahiran pegawai kanan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan.

Tadi, saya hendak sentuh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, kalau tidak silap saya. Untuk Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, adakah ini hanya untuk kakitangan Bank Negara Malaysia sahaja ataupun untuk kakitangan institusi bank-bank yang lain? Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang dan juga Dato' Chin Fook Weng bahawa pusat latihan ini atau ICLF ini adalah terbuka untuk kakitangan bank-bank dan dikhususkan kepada pegawai-pegawai kanan bank, yang berpangkat dan mempunyai kedudukan yang tinggi kerana kita mahu mereka ini diberikan kemahiran yang secukupnya, untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi dan juga cabaran-cabaran masa kini yang hebat sekarang ini.

Mengenai isu caj yang dikenakan bagi latihan dari ICLF supaya tidak membebankan, sebagaimana kata Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng, tidak membebankan para pelanggan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa Bank Negara Malaysia telah mengetepikan dan memperuntukkan sebanyak RM500 juta dalam bentuk geran untuk membiayai pusat latihan atau ICLF ini, dan akhirnya kita mahu mereka ini dengan izin, *self funding* ertinya kita berikan geran, lepas itu mereka akan menggunakan wang untuk *generate income*, dengan izin dan akhirnya melalui pendapatan inilah mereka akan membiayai latihan-latihan kepada semua pegawai kanan bank dan dengan sebab itu kita tidak..... ia bukan juga satu gagasan yang berbentuk, bermotifkan keuntungan Tuan Yang di-Pertua - tidak. Ia hanyalah semata-mata untuk meningkatkan martabat ataupun kemampuan serta kualiti pegawai-

pegawai kanan bank kita supaya mereka lebih mahir, lebih berkesan, lebih efisien dan kerana itu ia tidak akan membebankan para pengguna ataupun para pelanggan kita.

Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng juga ada menyentuh tentang perpindahan bayaran melalui internet. Adakah sistem ini kukuh dan menjamin keselamatan transaksi? Untuk makluman Yang Berhormat Dato', semua institusi perbankan yang menawarkan perbankan internet perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM mengenai perkhidmatan perbankan internet. Garis panduan tersebut menetapkan ciri-ciri keselamatan perbankan internet, pengurusan risiko, tanggungjawab pihak pengurusan dan juga perlindungan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri tentang langkah-langkah ke arah pendidikan pengguna dalam perbankan Islam dan juga beliau mengalu-alukan penubuhan Majlis Penasihat Syariah. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang lain yang keseluruhannya menyokong dan mengalu-alukan pindaan ini, lebih-lebih lagi penubuhan Majlis Penasihat Syariah. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Hasan Haji Shukri, Datuk Hajah Dayang Mahani dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain bahawa rasional penubuhan Majlis Penasihat Syariah atau MPS ini ialah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menubuhkan MPS di bawah *Central Bank Act*, sebagai badan yang bertanggungjawab untuk menentukan kedudukan undang-undang Islam dalam bidang perbankan, kewangan dan takaful.

Jadi, ini tugas MPS. Ia akan membolehkan sebarang keputusan syariah dikeluarkan kepada semua institusi di bawah kawal selia Bank Negara melalui satu undang-undang tunggal. Ertinya, segala isu yang berbangkit tentang syariah akan dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah dan bertujuan untuk kita menyeragamkan semua masalah yang berbangkit di bawah perbankan Islam dan juga sistem kewangan Islam termasuk takaful supaya tidak berbangkit perbezaan atau perbalahan dalam konteks ini.

Kita mahu satu penyeragaman semua keputusan badan-badan di peringkat industri Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan dan kewangan ini akan dikehendaki merujuk semua isu perbankan kewangan Islam dan takaful kepada MPS sebagai Majlis Penasihat Syariah Tunggal. Kita tidak mahu lagi perbezaan berlaku. Kita mahu ada suatu majlis penasihat yang tunggal untuk menasihati kita.

Sebarang nasihat dan keputusan MPS mengenai isu-isu terbabit akan dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia secara berkesan dan menyeluruh ke atas institusi kewangan di bawah pengawalseliannya. Ia juga akan menaikkan taraf Majlis Penasihat Syariah sebagai badan rujukan oleh mahkamah dan penimbang tara dalam menentukan kedudukan undang-undang Islam mengenai aktiviti perbankan dan kewangan Islam dalam kes-kes yang dihadapkan kepada mereka. Jikalau kes ini dibawa ke mahkamah, maka MPSlah sebagai rujukan mahkamah untuk menentukan sebarang keputusan berkaitan dengan isu ini.

Mengenai pelantikan anggota MPS juga disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Hasan dan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota-anggota yang akan dilantik ke MPS terdiri daripada mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang syariah khususnya dalam bidang Fikah, Muamalat serta dalam bidang-bidang yang berkaitan seperti perbankan, kewangan, undang-undang dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Selain itu, hakim-hakim juga boleh dilantik sebagai anggota MPS. Jadi, ia terbuka luas kepada tokoh ekonomi, ilmuan, kewangan, malah hakim-hakim juga boleh kita lantik untuk menganggotai MPS supaya badan ini menjadi badan yang benar-benar berwibawa dan boleh kita terima pakai.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh ke arah pendidikan pengguna dalam perbankan Islam. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai perbankan dan kewangan Islam, beberapa program pendidikan dan pengetahuan pengguna sedang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Salah satu inisiatif ialah kerjasama dengan TV3 bersama-sama dengan sebuah syarikat penerbitan tempatan untuk menerbitkan sebuah program dokumentari televisyen khas mengenai perbankan dan kewangan Islam. Jadi, dengan cara inilah kita dapat menyebarkan maklumat tentang perbankan Islam kepada orang ramai.

Institusi latihan untuk perbankan dan kewangan Islam yang dimiliki sepenuhnya oleh industri perbankan Islam iaitu Islamic Bank and Finance Institute Malaysia (IBFIM) telah merombak struktur institusi tersebut baru-baru ini dan akan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu pembangunan eksekutif, profesional, khidmat nasihat dan perundingan serta penganjuran persidangan, seminar, bengkel kerja dan juga program-program latihan dalam perbankan dan kewangan Islam.

Seterusnya mengadakan *Islamic Banking and Takaful Week* di PWTC dan telah dilawati oleh orang ramai untuk mengetahui lebih lanjut tentang perbankan Islam. Seterusnya Program Pendidikan Pengguna yang dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi maksud pendidikan pengguna yang juga meliputi sistem perbankan Islam.

Jadi, Yang Berhormat, penyebaran maklumat tentang perbankan Islam dilakukan secara menyeluruh dan kepada semua pihak dan insya-Allah perkara ini akan kita teruskan supaya semua pihak dapat *access* kepada maklumat tentang perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh menyentuh tentang apakah tempoh bagi penjelasan cek *outstation* dan *local*. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh penjelasan bagi cek tempatan secara purata adalah selama dua hari sahaja. Bagi cek luar kawasan, bergantung kepada kawasan berkenaan. Tempoh perjalanan yang diambil adalah di antara lima hingga lapan hari. Dalam hal ini, Bank Negara menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran elektronik yang lebih efisien sebagai alternatif kepada cek. Ertinya, kalau kita dapati penggunaan cek ini lambat, kita boleh gunakan satu cara alternatif iaitu pembayaran secara elektronik.

Yang Berhormat Datuk William Lau juga menyokong pindaan ini dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi ada menyentuh supaya perkhidmatan bank dapat diberikan kepada semua termasuklah di kampung-kampung, luar bandar dan sebagainya dan kita mengambil ingatan mengenai perkara ini. Ini juga telah dinyatakan di dalam pelan induk sektor kewangan, malah kerajaan begitu prihatin supaya rakyat mempunyai *access* terhadap perkhidmatan bank dan ianya dimasukkan dalam pelan induk sektor kewangan negara kita supaya bank-bank dapat membuka cawangan-cawangannya di pekan-pekan di luar bandar yang mempunyai penduduk yang mencukupi untuk tujuan ini.

Kita sedar bahawa dari segi nisbah bilangan cawangan kepada bilangan penduduk di negara Malaysia, beberapa kawasan tertentu masih kekurangan cawangan institusi perbankan. Sementara kawasan bandar pula mempunyai tumpuan yang lebih tinggi. Oleh itu, memang menjadi tujuan kita untuk memperbaiki taburan cawangan institusi perbankan. Antaranya ialah melalui rasionalisasi cawangan.

Rasionalisasi cawangan juga adalah perlu bagi membolehkan bank mengatur strategi yang betul mengenai pasaran yang disasarkan dan untuk penjimatan kos. Bagi memastikan kesaksamaan, cawangan baru terutamanya di luar bandar adalah digalakkan dibuka oleh bank, terutamanya yang mempunyai cawangan luar bandar yang rendah.

Dalam jangka masa panjang, cara untuk menawarkan khidmat perbankan mungkin boleh diperbanyakkan, misalannya melalui khidmat perbankan bergerak. Kementerian Kewangan akan *monitor* perkara ini dan beberapa rayuan yang dibuat oleh beberapa pihak dari Sabah dan Sarawak supaya memastikan bahawa di pekan-pekan tertentu di sana mempunyai kemudahan bank dan selain daripada cawangan-cawangan yang akan

ditubuhkan, kita juga sedang meninjau kemungkinan untuk mengadakan bank-bank khidmat perbankan bergerak supaya rakyat di luar bandar dapat access kepada perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar ada menyentuh tentang ada bank yang meningkatkan *fees* bagi perkhidmatan dan mengenakan caj baru seperti caj untuk penggunaan ATM. Untuk makluman Yang Berhormat, caj-caj yang dikenakan oleh bank adalah ditentukan oleh kuasa pasaran tertakluk kepada had-had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan pelanggan-pelanggan bank boleh menikmati perkhidmatan perbankan asas dengan caj yang munasabah dan minimum. Institusi perbankan telah digalakkan untuk mengamalkan ketelusan dalam produk dan perkhidmatan mereka bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan dan keputusan dalam menggunakan perkhidmatan perbankan.

Kepentingan mengamalkan ketelusan turut ditekankan. Bank Negara Malaysia akan memperluaskan skop maklumat perbankan ataupun *banking info* bagi merangkumi senarai kadar faedah dan *fees* yang dikenakan oleh semua bank ke atas produk runcit mereka bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan dan keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menyentuh perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada beberapa perkara yang lain yang mungkin tidak dapat saya sentuh, kita akan mengambil perhatian serta catatan-catatan yang kita ada. Mudah-mudahan perkara itu dapat kita ambil tindakan sewajarnya dan saya ucap terima kasih bagi pihak Kementerian Kewangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu yang relevan dengan perdebatan kita pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 12 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM
(PINDAAN) 2003**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 di Dewan ini.

Rang Undang-undang ini merupakan pindaan berbangkit yang perlu dibuat berikutan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958, melalui Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 yang baru dibentangkan di Dewan ini. Pindaan dibuat bagi tujuan untuk mengukuhkan rangka kerja syariah di peringkat Bank Islam dan membolehkan Bank Islam mendapatkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara.

Pindaan ini juga dibuat untuk membenarkan syarikat asing dan syarikat kawalan asing untuk memegang lesen dan menjalankan perniagaan perbankan Islam di Malaysia selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi pusat kewangan Islam serantau. Kewujudan bank-bank Islam asing di Malaysia akan memperkukuhkan daya saing perbankan Islam serta mempercepatkan integrasi pasaran kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Bank Islam (Pindaan) 2003.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta Bank Islam 1983 untuk mengadakan peruntukan dalam perenggan 3(5)(b) berkaitan keperluan supaya dimasukkan dalam artikel persatuan sesuatu Bank Islam, peruntukan bagi penubuhan badan penasihat syariah yang diluluskan oleh Bank Negara.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 6 bagi membolehkan Menteri melesenkan syarikat yang dipunyai atau dikawal oleh pihak asing sebagai Bank Islam.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13A untuk membolehkan sesuatu Bank Islam mendapatkan nasihat Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 16B(1) Akta Bank Negara. Nasihat Majlis Penasihat Syariah mesti dipatuhi oleh Bank Islam itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 21(6) Akta Bank Islam 1983 dalam teks Bahasa Kebangsaan untuk menyelaraskan penalti yang diperuntukkan dalam teks Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan ini. Sekian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri.

3.47 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya telah menyokong pindaan ke atas Akta Bank Negara yang baru sahaja kita luluskan sebentar tadi dan oleh kerana akta ini dikemukakan selaras dengan pindaan yang telah kita luluskan baru sebentar tadi, maka saya kira kita tidak perlulah membahaskannya dengan panjang lebar kerana fungsi Majlis Penasihat Syariah itu akan dapat juga dipergunakan....

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang disebut sebagai *consequential legislation*, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri:akan dapat juga digunakan, dimanfaatkan oleh Bank Islam dan juga institusi kewangan yang berhajat ataupun bercadang untuk menjadikan institusinya berteraskan kepada syariah Islam. Cuma di sini ada sedikit perkara yang saya ingin sebut. Saya lihat ada sedikit pindaan tentang perkataan di antara 'Syari'ah' dengan 'Syariah'; ada satu 'syar'iah' dan satu lagi 'syariah'. Ini sebenarnya kalau orang belajar bahasa Arab, sedikit sahaja, kalau bubuh Alif Lam dia kena baca Al Kanun Al-Sya'riah, kalau dia kanun, Kanun Syariah sahaja, itu beza antara sifat dengan yang disifatkan.

Jadi, walaupun ia dimasukkan dalam pindaan, saya rasa ini satu pindaan yang sangat cermat sehingga menggunakan perkataan yang maksudnya tidak banyak beza di antara syariah dengan syariah tetapi kalau sekiranya ia ditulis dalam bahasa Arab memang ada kesan kerana ada perbezaan dari segi makna yang akan membawa erti yang lain jika sekiranya ini kita gunakan perkataan 'syariah', 'Syari'ah', ini pula 'Syariat'. Ada bezanya?

Jadi saya ucapkan terima kasih juga kerana keprihatinan pihak Kementerian Kewangan

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya Yang Berhormat, ia jadi lebih betul, lebih baik atau....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tengok ayatlah. Kalau di sini digunakan dari segi ejaan Arabnya ada Alif Lam macam di Perlis, Al-Madrasah Al-Alawiyah, kalau ada Al Madrasah Al-Alawiyah, itu yang disifatkan, kalau ada yang dari Perlis, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Jadi itu sahaja sebenarnya dengan Alif Lam. Kalau awalnya ada Alif Lam, hujungnya pun kena ada Alif Lam. Kalau dia tidak ada Alif Lam, itu dalam nahu bahasa Arabnya, itulah bezanya. Jadi di sini pun ada sahabat-sahabat berasal dari Yaman, barangkali yang masih fasih dalam bahasa Arab mungkin boleh menegur saya pula kalau saya silap. [Ketawa] Di belakang ini ada Yang Berhormat yang berasal dari Yaman, dahululah. Barangkali dia masih ingat lagi kaedah-kaedah menggunakan perkataan bahasa Arab. Saya ucapkan terima kasih kerana ada keprihatinan, ada kesungguhan dalam kita membuat pindaan hatta perkataan-perkataan pun diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang saya persoalkan tadi makna pindaan ini meningkatkan lagi?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, meningkatkan lagi, insya-Allah, kefahaman orang Islam sendiri dan orang lain juga terhadap istilah-istilah yang kita gunakan dalam syariah Islam ini, sebab itulah saya sekali lagi mengucapkan syabas ke atas pindaan ini dan kita mengharapkan supaya Majlis Penasihat Syariah yang asalnya, menggantikan

perkataan 'Syari'ah' dengan perkataan 'Syariah' sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara.

Jadi maknanya perkataan 'syariah' ini, perkataan yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara kerana sebelum pindaan ini dibuat, Majlis Penasihat Syariah itu sudah ada di Bank Negara. Jadi dengan sebab itu kita mengharapkan supaya Bank Islam yang tentunya akan menjalankan operasinya berlandaskan kepada syariah Islam akan lebih prihatin lagi terhadap permasalahan yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam dan mudah-mudahan ia juga dapat memberikan sumbangan dan bantuan kepada mana-mana institusi Islam yang bercadang kalau ada, kita harapkan ada ramai orang yang akan datang ke mari hendak buka lagi institusi kewangan Islam ataupun negeri-negeri kalau dibenarkan.

Satu ketika dahulu saya pernah menyebutkan supaya negeri-negeri seperti negeri Kelantan, negeri Terengganu dibenarkan membuka Bank Islamnya sendiri. Jadi mudah-mudahan dengan itu kita akan dapat mendengar nasihat-nasihat daripada Majlis Penasihat Bank Islam supaya operasi perbankan Islam ini akan dapat kita perluaskan.

Selain dari itu, seperti yang disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi yang menyebutkan supaya orang-orang kaya di negeri-negeri Timur Tengah itu akan dapat menyimpan wang mereka di bank-bank Islam di negara kita ini. Tidak lagi mereka simpan di bank-bank di Amerika dan sesetengahnya seperti kita tahu sampai kepada Yayasan Islam yang menyimpan wang mereka di bank Amerika dibekukan oleh Amerika kerana kononnya yayasan itu dikaitkan dengan kegiatan-kegiatan yang saya sebutkan tadi yang digambarkan kepada masyarakat dunia bahawa kononnya itu adalah kumpulan wang yang disimpan oleh kumpulan pegganas yang mengancam keselamatan dunia.

Ini sebenarnya adalah dakwaan mereka, fitnah mereka padahal mereka itu adalah menyimpan wang kerana kedudukan Yayasan itu berpusat atau ditubuhkan oleh beberapa orang cerdik pandai Islam di Amerika, tentulah mereka simpan wang mereka di salah sebuah bank atau di mana-mana bank di Amerika.

Jadi, pada masa yang akan datang mudah-mudahan ini suatu peringatan kepada kita supaya orang Islam yang menubuhkan yayasan-yayasan di negara-negara yang bukan Islam yang mereka anggap bahawa negara itu boleh membekukan akaun mereka ataupun membekukan simpanan mereka dalam bank-bank yang sesetengah bank itu dipelopori oleh syarikat-syarikat Israel dan Yahudi supaya mereka datang ke negara kita ini untuk menyimpan wang mereka dan juga untuk menjalankan kegiatan-kegiatan pelaburan di negara kita ini, insya-Allah.

Saya dengan ini sekali lagi mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.54 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ada komen yang sedikit sahaja tentang pindaan yang dicadangkan kepada Akta Bank Islam 1983 iaitu Akta 276. Apa yang saya mahu nyatakan ialah bahawa Bank Islam itu akan diperkukuhkan lagi dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dan setakat ini telah berjaya bukan sahaja menawarkan perkhidmatannya kepada orang Islam tetapi orang bukan Islam pun banyak menggunakan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, saya mohon laluan sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat 6(3), saya memohon agar Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar membantu saya memperkerusikan Majlis Mesyuarat pada pukul 4.00 petang. Terima kasih, silakan Yang Berhormat. Teruskan.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyatakan bukan sahaja orang Islam tetapi ramai daripada orang bukan Islam telah juga menggunakan perkhidmatan di bank Islam ini dan dengan pindaan yang dicadangkan saya yakin itu akan memperkukuhkan lagi kedudukan di bank Islam dan lebih ramai lagi penduduk Malaysia akan ada keyakinan yang lebih kepada bank ini dan akan menggunakan perkhidmatannya.

Dengan itu saya menyokong pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

3.56 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana sekali lagi memberikan saya laluan dan kesempatan untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Bank Islam (Pindaan) 2003 di Dewan yang mulia ini.

"Tuan Yang Terutama", Tuan Yang di-Pertua, betul-betul puasalah. *[Ketawa]*

Dato Mansor bin Haji Md. Jaafar: Puasa, jangan salahkan puasa.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Fasal naik pangkat. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui memanglah rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang *consequential amendment* ataupun satu rang undang-undang yang berkaitan. Sebenarnya ada tiga rang undang-undang yang berkaitan yang akan dibentangkan, satu baru sahaja kita selesai berbahas iaitu Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sistem kewangan dan perbankan Islam di Malaysia telah menunjukkan satu perkembangan dan peningkatan yang memberangsangkan. Dalam usia tidak sampai dua dekad, sistem ini telah berkembang maju berbanding dengan perbankan konvensional yang muncul lebih 600 tahun yang lampau. Sebelum ini khususnya sebelum tahun 1993, Malaysia hanya mempunyai sebuah bank Islam sahaja dengan cawangan yang terhad iaitu mempunyai 36 buah cawangan. Walau bagaimanapun, selepas kerajaan memperkenalkan skim perbankan Islam pada tahun 1993, perbankan Islam kini boleh diperolehi di hampir 2,500 cawangan bank Islam, bank perdagangan dan syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan rang undang-undang yang dibahaskan pada hari ini, saya ingin mengulas beberapa perkara bagi memperkukuhkan lagi sistem kewangan Islam agar lebih efisien dalam menyediakan khidmat perbankan mengikut landasan syariah yang sebenar.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan Fasal 2 Akta Bank Islam (Pindaan) 2003 iaitu peruntukan supaya Persatuan Bank Islam menubuhkan Badan Penasihat Syariah dalam persatuan mereka yang mana telah diluluskan oleh Bank Negara. Penubuhan bank berkenaan tepat pada masanya kerana pertumbuhan bank-bank Islam pada hari ini semakin berkembang pesat bukan sahaja di Malaysia malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan masyarakat dunia terhadap negara termasuk negara di kalangan bukan Islam terhadap keberkesanan sistem perbankan Islam di Malaysia bukan perkara baru, malah ada di kalangan pemilik dana di negara-negara Teluk mula memindahkan

pelaburan mereka bernilai berbilion-bilion Dolar Amerika Syarikat dari pasaran utama khususnya dari London dan New York ke negara ini untuk mencari sistem perbankan Islam sebagai pelaburan alternatif.

Oleh hal yang demikian, badan penasihat syariah yang ditubuhkan ini mempunyai peranan penting kerana ia akan mengawal selia serta memantau setiap aktiviti ahli persatuan agar dapat melaksanakan hukum syariah dengan betul dan saksama. Badan ini juga akan mengeluarkan peraturan mengenai perbankan Islam yang berupaya menyelaraskan segala pandangan syariah ke atas pelbagai isu berkaitan dengan sistem kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) telah ditubuhkan sebagai sebuah persatuan bagi Bank Pusat dan pihak berkuasa kewangan serta institusi lain bagi mengawal dan menyediakan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. Ia antara lain menyediakan dan menyebarkan piawaian serta prinsip-prinsip asas kewangan Islam yang sejajar dengan keperluan dan ketetapan syarikat.

Pada masa yang sama, ia juga akan sentiasa berhubung rapat dengan pelbagai pihak yang terbabit dalam menyediakan piawaian kewangan serta kestabilan kewangan. Secara spesifik, IFSB bertindak sebagai pihak berkuasa untuk perkhidmatan kewangan Islam global. Ia memantau, membangunkan produk kewangan Islam bagi faedah ummah di samping meningkatkan keupayaan institusi kewangan agar mematuhi peraturan syariah yang diterima dunia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Akta Bank Islam (Pindaan) 2003 ini juga memperuntukkan Fasal 3 yang membolehkan bank Islam mendapatkan nasihat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan nasihat tersebut haruslah dipatuhi oleh bank Islam yang berkenaan. Seperti yang kita semua sedia maklum, Akta Bank Islam 1983 telah memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal selia dan memantau bank-bank Islam agar menjalankan urusan perbankan Islam yang tidak bertentangan dengan syariah.

Majlis Penasihat Syariah bertanggungjawab mengeluarkan peraturan mengenai perbankan Islam bagi menyelaraskan segala pandangan syariah terhadap isu-isu perbankan. Selain itu, ia berperanan penting dalam menyeragamkan dokumen perbankan Islam dengan tujuan untuk mengelakkan pertelingkahan perundangan di samping memberi kefahaman yang mendalam terhadap konsep perbankan Islam.

Umumnya Bank Negara sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia antara pusat kewangan Islam utama dunia. Justeru itu, liberalisasi dalam sektor perbankan Islam tempatan akan dipercepatkan bagi meningkatkan lagi kemajuannya. Antara langkah yang diambil termasuklah mengeluarkan lesen perbankan Islam baru kepada bank asing yang layak serta mempunyai kehadiran yang kukuh dalam industri perbankan Islam global. Langkah mempercepat liberalisasi sektor perbankan Islam ini bertujuan untuk menjana kesan limpahan yang bakal meningkatkan kepelbagaian dan melonjakkan pembangunan keseluruhan sistem kewangan Islam, seterusnya membolehkan Malaysia menjadi Pusat Kewangan Islam Serantau. Oleh itu, usaha sedang giat dilakukan dengan memantau perkembangan kemudahan perbankan Islam yang ditawarkan oleh bank asing bagi memastikan matlamat tersebut berjaya dicapai mengikut undang-undang syariah yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, industri perbankan kekal berkembang sepanjang tahun lalu berbanding keseluruhan sistem perbankan ekoran hasil pertumbuhan mapan ekonomi serta komitmen untuk terus membangun sektor perbankan Islam seperti mana digariskan oleh Pelan Induk Sektor Kewangan. Kejayaan ini adalah kerana kesungguhan Malaysia memartabatkan sistem perbankan Islam sebagai pilihan yang bijak untuk kesejahteraan agama, bangsa dan negara. Sesungguhnya perjuangan untuk menjadikan sistem

perbankan Islam sebagai sistem kewangan yang unggul di mata dunia bukanlah satu perkara yang mudah.

Justeru itu, kerjasama yang erat dan padu antara IFSB, Bank Negara Malaysia, kerajaan serta semua perbankan yang melaksanakan sistem kewangan Islam mengikut hukum syariah amat diperlukan bagi menyokong pelaksanaan sistem perbankan Islam yang sebenar.

Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin membahaskan mengenai rang undang-undang ini. Kalau tidak ada, saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

4.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Datuk Hajah Dayang Mahani. Kebanyakan mereka amat memberi sokongan yang kuat kepada usaha-usaha yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia.

Tadi Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri ada menyentuh tentang istilah. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin dan memberikan sokongan yang kuat ke arah memantapkan lagi sistem perbankan Islam kita. Cuma Yang Berhormat ada menyentuh tadi tentang bagaimana kita dapat lebih global perbankan Islam dan juga Datuk Dayang Mahani ada menyentuh iaitu dapat menarik *fund* ataupun dana yang banyak yang sekarang ini dilabur oleh pelabur-pelabur Asia Barat ke Amerika.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sekarang ini mempunyai satu prasarana atau infrastruktur perbankan Islam dan sistem kewangan Islam yang cukup baik, malah dikira sebagai yang terbaik di dunia ini. Jadi, kerana itu kemungkinan untuk kita menarik *fund* ataupun dana daripada luar yang sekarang ini tidak begitu gemar ataupun berminat pergi ke Amerika dan kita berharap dengan adanya infrastruktur atau prasarana yang lengkap ini kita dapat menarik dana-dana daripada Asia Barat ke negara kita. Dengan cara ini mudah-mudahan sistem kewangan dan perbankan Islam kita akan menjadi lebih kukuh, lebih terkenal dan lebih global sifatnya.

Untuk tujuan itu juga seperti yang disebut oleh Datuk Dayang Mahani bahawa Bank Negara Malaysia sekarang ini di peringkat akhir dalam menggariskan kriteria kelayakan bagi pengeluaran lesen bank Islam kepada institusi kewangan asing yang layak dan berminat untuk menjalankan operasi perbankan Islam di Malaysia. Ertinya, kita juga membuka peluang kepada institusi kewangan asing yang berminat untuk beroperasi di negara kita dan untuk tujuan itu kita sedang merangka satu kriteria yang sesuai dan kelayakan yang sesuai bagi pengeluaran lesen kepada bank-bank asing ini untuk beroperasi di Malaysia dan bersama-sama berganding bahu dengan sistem perbankan kewangan Islam di Malaysia ini.

Tadi Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh supaya Kelantan dan Terengganu.... kita tidak ada halangan. Yang Berhormat, maksudnya kalau hendakkan lesen baru tidak perlulah kerana kita sudah ada sistem perbankan yang begitu kukuh. Jadi, Kelantan dan Terengganu adalah sebahagian daripada Malaysia, mereka juga boleh menjalankan aktiviti ini dan tidak ada halangan dan sistem yang ada ini sudah cukup untuk kita memperkukuhkannya lagi dan kita mengalu-alukan hasrat Kelantan dan Terengganu untuk bersama-sama memperkukuhkan sistem yang sedia wujud sekarang ini, sistem perbankan dan kewangan Islam yang sedia wujud sekarang ini. Kita tidak ada perbezaan

dari segi itu. Semuanya ke arah matlamat yang sama dan mudah-mudahan perbankan Islam bukan sahaja diterima oleh orang Islam, malah orang bukan Islam juga.

Tadi Dato' Dr. Chin Fook Weng juga mengatakan jaminan daripada orang bukan Islam dan beliau mengatakan orang bukan Islam juga menyambut baik sistem perbankan kita. Saya bersetuju kerana ramai orang bukan Islam yang menggunakan kaedah ini lebih-lebih lagi dari segi pembiayaan, ertinya pinjaman. Mereka berminat untuk mendapatkan pinjaman daripada perbankan Islam, lebih daripada mereka menandatangani wang mereka ke dalam bank Islam kita. Ertinya, mereka lebih gemar meminjam kerana mungkin tidak terdedah kepada turun naik kadar faedah dan sebagainya. Jadi mereka lebih stabil dan ini lebih menyenangkan mereka untuk membuat perkiraan dalam urusan *business* mereka.

Tadi Datuk Dayang Mahani juga menyentuh tentang perkembangan bank Islam setakat ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ingin saya sebutkan bahawa jumlah aset sistem perbankan Islam telah meningkat sebanyak 7.93% sepanjang lima bulan pertama tahun 2003 kepada RM73.4 bilion dalam bulan Mei 2003. Sedangkan pada Disember 2002, aset kita ialah RM68 bilion tetapi dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini telah meningkat sebanyak RM73.4 bilion iaitu peningkatan sebanyak 7.93%.

Jumlah tersebut merangkumi kira-kira 9.22% daripada jumlah keseluruhan aset sistem perbankan negara kita. Daripada keseluruhan sistem perbankan konvensional dan seluruhnya digabungkan, maka jumlah tersebut yang saya sebutkan tadi ialah merangkumi kira-kira 9.22%. Deposit pembiayaan masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 3.85% kepada RM55.2 bilion dalam tempoh lima bulan tersebut, manakala bulan Disember 2002 RM53.2 bilion. Ini bagi deposit, meningkat sebanyak 3.85% dan pembiayaan pula meningkat 12.56% kepada RM41.3 bilion berbanding dengan Disember 2002 hanya RM36.7 bilion sahaja.

Jadi, ini membuktikan bahawa sistem perbankan Islam mempunyai satu kekuatan tersendiri dan daya saing yang tertentu dan kerana itu kita menaruh harapan yang tinggi dalam masa yang akan datang ini sistem perbankan kita dan sistem kewangan kita akan terus mendapat sambutan dan akan terus meningkat dari masa ke semasa dan matlamat kita untuk menguasai sekurang-kurangnya 20% daripada keseluruhan aset perbankan seluruh negara akan tercapai pada tahun 2010 ini mungkin lebih awal daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani juga ada menyentuh tentang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), di mana Kuala Lumpur menjadi tuan rumahnya. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ke hari ini IFSB yang dilancarkan pada 3 November 2002 yang dianggotai oleh Bahrain, Indonesia, Iran, Kuwait, Malaysia, Pakistan, Arab Saudi, Sudan, Qatar dan Bank Pembangunan Islam (IDB) malah IMF juga menyatakan hasratnya untuk menganggotai IFSB sebagai ahli bersekutu.

Ini suatu yang agak menarik kerana IMF juga tertarik dengan IFSB yang berada di Kuala Lumpur ini dan mereka berhasrat untuk menjadi anggota bersekutu dalam IFSB ini. Ini membuktikan keyakinan dunia kepada kemampuan Malaysia untuk menerajui kepimpinan khususnya sebagai tuan rumah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan membuktikan keyakinan dunia kepada kita dan insya-Allah, dengan adanya segala infrastruktur dan prasarana ini, Malaysia bukan sahaja mampu menarik dana daripada luar tetapi mampu menjadi satu negara yang menerajui kepimpinan perbankan dan sistem kewangan Islam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan kata-kata itu saya rasa....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, ada yang hendak bertanya.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin sedikit penjelasan sebelum Yang Berhormat berhenti. Kita faham bahawa banyak bank konvensional juga pada masa ini menjalankan kaunter-kaunter perbankan secara Islam, jadi saya ingin tahu sama ada mereka ini juga termasuk di bawah bidang kuasa Majlis Penasihat Syariah ataupun tidak?

Tuan Hashim bin Ismail: Bank-bank konvensional tidak termasuk di bawah bidang kuasa MPS. Tetapi bagi *windows*, bagi cawangan-cawangan Bank Islam, mereka adalah tertakluk kepada MPS. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 5 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAKAFUL (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003, di Dewan ini.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Silakan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini merupakan pindaan berbangkit yang perlu dibuat ke atas Akta Takaful 1984, berikutan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998, melalui Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 yang baru dibentangkan di Dewan ini.

Pindaan dibuat bagi tujuan untuk mengukuhkan rangka kerja syariah di peringkat pengendali-pengendali takaful dan membolehkan mereka mendapatkan nasihat syariah daripada Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua di bawah Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003, peruntukan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Takaful (Pindaan) 2003.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda perenggan 8(5)(b) Akta Takaful 1984 bagi mengadakan peruntukan tentang perubahan nama Lembaga Pengawasan Syariah kepada Badan Penasihat Syariah dan memasukkan keperluan di dalam artikel persatuan "*sesuatu pengendali takaful*" peruntukan bagi penubuhan Badan Penasihat Syariah yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 53A ke dalam Akta Takaful 1984 untuk membolehkan seseorang pengendali takaful, ejen takaful, broker takaful dan *adjuster* dan sesuatu persatuan yang anggota-anggotanya adalah pengendali takaful, ejen takaful, broker takaful atau *adjuster* dan sesuatu persatuan yang anggota-anggotanya adalah syarikat insurans, ejen insurans, broker insurans atau *adjuster* insurans yang ada antaranya mengendalikan perniagaan takaful untuk mendapatkan nasihat Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 16B (1) Akta Bank Negara Malaysia dan nasihat itu mesti dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Takaful 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dijemput ya, silakan Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani.

4.22 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya lagi ruang dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Takaful (Pindaan) 2003 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemunculan syarikat pengendalian insurans Takaful boleh dikatakan tumbuh bagai cendawan. Perkembangan sihat ini bermula daripada sikap terbuka masyarakat bahawa produk insurans berteraskan Islam adalah pilihan yang bijak dan tepat dan penerimaan masyarakat Islam mahupun bukan Islam terhadap insurans Takaful ini menjadikan ia semakin unggul dan berdaya maju serta diterima bukan sahaja di Malaysia malah berkembang pesat sehingga ke luar negara seperti ke Indonesia, Sri Lanka, Arab Saudi dan operasi Takaful di Arab Saudi pula diperluaskan lagi sehingga Bahrain. Senario ini membuktikan kepada kita bahawa Takaful Malaysia mampu menjana ekonomi serta mengharumkan nama negara di arena antarabangsa. Kejayaan ini terbukti dengan hakikat bahawa Malaysia berjaya menguasai kira-kira 40% pasaran takaful global.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan Fasal 2 iaitu peruntukan bagi melakukan perubahan ke atas nama Lembaga Pengawasan Syariah kepada Badan Penasihat Syariah dan perubahan supaya persatuan yang mengendalikan takaful menubuhkan badan penasihat syariah mereka dan diluluskan oleh Ketua Pengarah masing-masing, pada hemat saya perubahan nama ini memberi impak yang baik kepada setiap pengendalian takaful kerana nama baru ini lebih berkonsepkan mesra pelanggan dan bersikap global.

Seperti mana yang kita tahu mengenai takaful bukan sahaja terdiri daripada dua syarikat gergasinya iaitu Takaful Malaysia dan Takaful Nasional, malah syarikat pengendali insurans yang lain juga menawarkan produk takaful kerana ia lebih terjamin serta adil sesuai dengan konsep agama Islam itu sendiri. Takaful diterima oleh pelanggan daripada pelbagai bangsa dan agama di luar Malaysia seperti di Indonesia dan Singapura. Justeru itu, nama baru Lembaga Pengawasan Syariah iaitu Badan Nasihat Syariah akan dapat berperanan sepatutnya seperti yang telah dipertanggungjawabkan iaitu memberi nasihat serta garis panduan yang sebenar tentang hukum syariah yang seharusnya dipatuhi oleh setiap pengendali takaful yang mana amat bersesuaian fungsinya sesuai dengan nama baru.

Di samping itu, pengendalian insurans Takaful juga disarankan agar penubuhan badan penasihat syariah mereka masing-masing dan diluluskan oleh Ketua Pengarah syarikat insurans berkenaan, penubuhan ini penting kerana sebarang kemusykilan mengenai hukum syariah takaful akan dapat diselesaikan dengan cepat dan adil. Namun, sekiranya badan ini menghadapi kesukaran untuk memastikan kesahihan hukum mengikut syariah, maka mereka boleh mendapatkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Fasal 3 iaitu peruntukan bagi membolehkan seseorang pengendali takaful, ejen, broker atau *adjuster* serta ahli persatuan takaful seperti syarikat insurans, ejen atau *adjuster* yang kebanyakannya menjalankan perniagaan takaful mendapatkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah di bawah kelolaan Bank Negara Malaysia dan setiap nasihat serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis ini haruslah dipatuhi oleh semua individu atau persatuan yang mengendalikan perniagaan takaful.

Peruntukan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia adalah majlis yang bertanggungjawab sepenuhnya memastikan insurans Takaful yang dikendalikan oleh seseorang pengendali takaful mahupun oleh syarikat insurans yang menjalankan insurans Takaful dilaksanakan mengikut konsep syariah yang sebenar.

Sesungguhnya kita tidak perlu bimbang ataupun was-was ke arah kredibiliti ahli majlis berkenaan. Ini kerana golongan profesional, cendekiawan, ulama dan pakar syariah berkumpul dan berganding bahu menyumbang tenaga dan kepakaran bagi memastikan hukum syariah dilaksanakan dengan tulus dan sewajarnya. Selain itu, Majlis Penasihat Syariah juga bertanggungjawab memantau serta mengawal selia setiap aktiviti pengendalian takaful agar tidak lari daripada landasan Islam yang sebenar di samping mengeluarkan peraturan tertentu bagi menyelaraskan pandangan syariah ke atas isu-isu yang berkaitan untuk mengelakkan berlakunya pertelingkahan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua sesungguhnya perkara yang dibahaskan pada hari ini amat jelas kepada kita kerana sebagai pelanggan insurans, tidak kira insurans takaful mahu pun konvensional, kita memerlukan sebuah produk yang terjamin, satu produk yang adil dan halal di sisi agama. Justeru itu, Badan Penasihat Syariah mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan hukum syariah dilaksanakan sepenuhnya untuk mengendalikan takaful dan syarikat insurans yang mengendalikan takaful.

Sekian, saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, ada Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin ambil bahagian? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk memberikan jawapan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani. Sebenarnya saya tidak ada jawapan yang khusus kerana Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani sebenarnya dia memberi penjelasan, dia menjelaskan lagi

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dia membantu kementerian.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dia membantu kementerian.

Tuan Hashim bin Ismail: Dia membantu kementerian. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Cuma tadi satu sahaja perkara yang saya hendak sentuh. Beliau ada menyentuh tentang pengendali takaful yang beroperasi di Malaysia pada masa ini. Sebenarnya kita ada empat pengendali takaful yang beroperasi di negara kita sekarang ini iaitu:

- (i) Syarikat Takaful Malaysia Berhad, ditubuhkan pada tahun 1984;
- (ii) Takaful Nasional Sendirian Berhad, ditubuhkan pada tahun 1994;
- (iii) Mayban Takaful Berhad, ditubuhkan pada tahun 2002; dan
- (iv) Takaful-Ikhlas Berhad, ditubuhkan pada tahun 2003

Ertinya, di negara kita ini ada empat pengendali takaful yang utama dan dari masa ke semasa kita akan melihat supaya ditingkatkan lagi bilangan ini mengikut keperluan semasa. Untuk makluman Yang Berhormat juga, penubuhan Majlis Takaful Berhad, Mayban Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Berhad adalah selaras dengan saranan Bank Negara Malaysia dalam pelan induk sektor kewangan untuk mengeluarkan lesen baru pengendali Takaful bagi mencapai matlamat meningkatkan tahap penembusan pasaran Takaful kepada 20% bahagian daripada industri insurans. Ertinya, kita ingin menguasai 20% daripada keseluruhan pasaran industri insurans negara.

Jadi, itulah harapan kita dan mudah-mudahan harapan ini akan dimakbulkan oleh Allah dan takaful akan berkembang selaras dengan perkembangan perbankan Islam dan juga sistem kewangan Islam negara kita. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Pembentang undang-undang lebih panjang daripada pembahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 3 dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang Dipertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan) 2003 di Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, pelan induk sektor kewangan atau pelan induk yang dilancarkan pada bulan Mac 2001 menggariskan rancangan jangka masa 10 tahun sektor kewangan negara untuk memastikan prasarana sistem kewangan yang kukuh, berdaya maju dan berdaya saing.

Bank Negara Malaysia telah dan sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi merealisasikan objektif-objektif pelan induk itu. Antaranya melalui penggubalan Rang Undang-Undang Sistem Pembayaran 2003 yang memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk memastikan kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan yang cekap, lancar dan diyakini.

Selain itu, selaras dengan objektif pelan induk bagi mempertingkatkan keupayaan kumpulan perbankan domestik untuk menjadikannya lebih kompetitif dan berdaya saing, kumpulan perbankan domestik akan dibenarkan untuk merasionalisasikan operasi bank perdagangan dan syarikat kewangan di bawah satu entiti. Ini akan dilaksanakan dengan membolehkan sesebuah entiti perbankan untuk memegang dua lesen perbankan iaitu satu lesen bank perdagangan dan satu lesen syarikat kewangan. Ini adalah hasil daripada proses rasionalisasi tersebut.

Rasionalisasi operasi bank perdagangan dan syarikat kewangan ini boleh dicapai dengan berkesan melalui pengharmonian peraturan dan garis panduan yang terpakai bagi pengendalian bank perdagangan dan syarikat kewangan. Selain daripada itu, ianya juga akan membolehkan institusi kewangan perbankan domestik menikmati sinergi dan pengurangan kos pengendalian mereka melalui kos pengagihan ekonomi mengikut bidang pemasaran, sistem pemprosesan, data elektronik, logistik serta penggunaan maksimum modal sedia wujud secara cekap melalui penggabungan kecekapan dan keberkesanan entiti perbankan yang bergabung dalam memenuhi permintaan pelanggan yang berbeza akan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini, Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Pindaan) 2003 adalah dibuat bagi memenuhi objektif-objektif yang berikut:-

- (a) Sebagai pindaan berbangkit kepada:
 - (i) Akta Sistem Pembayaran 2003 yang digubal bagi mengawal selia sistem pembayaran dan instrumen bayaran di Malaysia. Susulan cadangan rang undang-undang tersebut, beberapa peruntukan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK), khususnya yang berhubung dengan perniagaan, tanda kredit dan sistem pemilihan dana elektronik yang terdapat dalam seksyen-seksyen 2(1), 19, 23, 119, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat akan dimansuhkan; dan

- (ii) Rang undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 berhubung dengan Majlis Penasihat Syariah di bawah seksyen 16B. Justeru itu takrif "*Majlis Penasihat Syariah*" di bawah Seksyen 124(7) Akta Bank dan Institusi Kewangan akan dipinda bagi tujuan penyelarasan dengan Akta Bank Islam dan Akta Takaful.
- (b) Bagi membolehkan entiti perbankan baru yang dikenali sebagai syarikat perbankan dan kewangan untuk memegang dua lesen iaitu satu lesen bank perdagangan dan satu lesen syarikat kewangan. Pelaksanaan cadangan ini akan membolehkan kumpulan perbankan domestik merasionalisasikan operasi bank perdagangan dan syarikat kewangan di bawah satu entiti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penjelasan lanjut, peruntukan-peruntukan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003 adalah seperti berikut:-

- Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan iaitu Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003 bagi peruntukan yang berkaitan dengan Rang undang-undang Sistem Pembayaran 2003;
- Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memasukkan takrif baru "syarikat perbankan dan kewangan" dan untuk membuat pindaan berbangkit kepada takrif "bank berlesen dan syarikat kewangan berlesen" supaya termasuk syarikat perbankan dan kewangan. Syarikat perbankan dan kewangan akan memegang dua jenis lesen di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan iaitu lesen untuk menjalankan perniagaan, perbankan dan juga lesen untuk menjalankan perniagaan syarikat kewangan. Pindaan takrif-takrif tersebut perlu untuk memastikan pemakaian peruntukan-peruntukan ABIK terhadap sesuatu bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen;
- Fasal 3 bertujuan untuk meminda perenggan (a) di bawah subseksyen 15(1) ABIK untuk melarang mana-mana orang yang bukan institusi berlesen daripada memakai atau menggunakan perkataan syarikat perbankan dan kewangan tanpa keizinan bertulis Menteri;
- Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 33 ABIK dengan mengecualikan sesuatu syarikat perbankan dan kewangan daripada sekatan tertentu yang dikenakan ke atas syarikat kewangan berlesen;
- Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 124 ABIK bagi menggantikan maksud "*Majlis Penasihat Syariah*"; dan
- Fasal-fasal 2, 4, 5, 7, 8, 10 dan 11 bertujuan meminda seksyen-seksyen 2, 19, 23, 119, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat ABIK.

Peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran di bawah seksyen-seksyen yang disebutkan di atas perlu dipotong memandangkan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran akan dikawal selia di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan yang disebutkan tadi, satu kerangka undang-undang di bawah ABIK akan dapat diwujudkan bagi penubuhan dan pengawalseliaan syarikat perbankan dan kewangan yang memegang kedua-dua lesen bank perdagangan dan syarikat kewangan.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sila, Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.48 ptg.

Dato' Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya bercadang hendak membuat beberapa huraian kepada cadangan-cadangan untuk meminda Akta 372. Bagi saya pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi membolehkan sesuatu syarikat itu memegang dua lesen, iaitu lesen perbankan dan juga lesen kewangan itu akan menyelaraskan lagi perkhidmatan syarikat itu demi kebaikan pelanggan mereka.

Saya juga faham bahawa di dalam sistem yang sedia ada, ada banyak perbezaan di antara bank dan juga institusi kewangan. Banyak daripada bank itu juga ada satu cabang untuk perbankan yang biasa, satu lagi untuk syarikat kewangan. Kedua-duanya mempunyai ciri masing-masing dan saya juga ada seorang yang ada akaun di kedua-dua pihak, jadi saya tahu bahawa ada perbedaannya. Contohnya, Arab Malaysian Bank dan Arab Finance, ada perbezaan di antara servis yang diberikan.

Dengan penyelarasan yang dicadangkan, saya harap kedua-dua servis itu akan diperkukuhkan. Dahulu apabila kita hendak mengeluarkan cek kita tidak sempat berbuat demikian apabila kita ada akaun di syarikat kewangan, tetapi di bank kita ada perkhidmatan-perkhidmatan seperti biasa. Tetapi dari beberapa lagi segi nampaknya syarikat kewangan itu memberikan keistimewaan-keistimewaan kepada pelanggannya yang tidak didapati di bank. Sebagai satu contoh, faedah yang diterima itu di syarikat kewangan biasanya adalah lebih tinggi daripada faedah yang diberikan oleh bank.

Jadi, dengan penyelarasan yang dicadangkan di bawah pindaan ini apa akan terjadi kepada perbezaan seperti saya sebutkan itu? Adakah ini akan ditukar juga supaya kedua-dua institusi itu mempunyai satu kaedah sahaja? Dahulu apabila kita membuka satu akaun, satu deposit di Arab Finance, maka amaun itu lebih daripada apa yang ditetapkan, maka kita juga ada hadiah-hadiah tertentu sebagai memberi Astro, memberi payung dan juga penarikan-penarikan yang lain yang telah kami nikmati. Jadi, saya belum mendapat hadiah-hadiah seperti itu dari bank, sungguhpun saya ada akaun di kedua-dua tempat.

Jadi, sebagai satu penarikan bagi orang yang tidak perlu mengeluarkan cek, maka tidak ada masalah kerana apabila saya hendak mengeluarkan cek saya gunakan akaun saya di institusi bank. Dan apabila saya menggunakan perkhidmatan syarikat kewangan, maka saya menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka yang disebutkan sebagai penyimpan-penyimpan kecil, iaitu pihak-pihak yang bukan ada banyak yang boleh disimpan, tetapi telah menikmati kemudahan-kemudahan tertentu. Oleh kerana itu, maka saya lihat ada penarikan-penarikan seperti yang saya huraikan itu.

Dengan mengadakan gabungan seperti yang dicadangkan dalam pindaan, adakah kemudahan-kemudahan macam itu akan dihapuskan? Adakah masih wujudnya perbezaan-perbezaan yang akan menarik saya kekalkan - sebagai contoh akaun saya dan tidak payah tutup akaun saya? Dahulu saya pun ada akaun di Southern Bank dan Southern Finance, tetapi apabila Southern Finance telah digabungkan dengan Southern Bank, maka tidak perlu lagi saya ada dua akaun dengan satu syarikat perbankan [*Bunyi sebutan seperti "pembangking"*] yang sama.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Syarikat perbankan, bukan "pembangking".

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.... yang sama. Oleh sebab....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Maksud Yang Berhormat Dato', syarikat perbankan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, perbankan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya dengar "pembangking".

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bukan "pembangking" kerana kedua-dua macam adik-beradik. [*Ketawa*] Satu diambil alih oleh ibu pejabat. Oleh kerana itu, maka telah menggabungkan servisnya. Dan saya telah mengikuti sejarah perkhidmatan syarikat kewangan itu kerana dahulu kita ada banyak jenis. Di Pulau Pinang satu yang kukuh ialah Eu Finance, tetapi kemudian mereka telah menghadapi masalah kerana kemelesetan ekonomi dan akibatnya ia telah ditutup dan diambil oleh Southern Bank dan dinamakan Southern Finance dan kemudian ia juga digabungkan dengan bank tradisional.

Saya melihat apabila itu berlaku, maka kemudahan-kemudahan yang tertentu dengan itu sahaja ditarik balik, dan bagi mereka maka tidak adalah pilihan lagi. Jadi, saya tidak tahu sama ada dengan mengadakan cadangan ini, dengan menggabungkan syarikat perbankan dan juga kewangan maka itu akan bererti kemudahan-kemudahan yang berbeza itu akan juga diselaraskan. Kalau itu akan berlaku maka dilihat mungkin ada sedikit keistimewaan yang dinikmati sekarang ditarik balik.

Saya juga tahu bahawa satu syarikat gergasi itu mungkin lebih menumpukan perhatian kepada perkara-perkara lain sama ada mereka senang sahaja mendapat pinjaman-pinjaman dari gabungan ini. Dahulu kalau kita ada satu syarikat berlesen atau satu syarikat kewangan, maka dari segi meminjam untuk hal-hal kecil - mungkin membeli motosikal dan sebagainya - ada banyak pihak yang tidak mahu menguruskan perkara ini. Tetapi bagi syarikat kewangan, mereka rela mengambil *business* itu dan juga memberi perkhidmatan. Jadi, saya melihat gabungan ini untuk membolehkan satu syarikat mengendalikan kedua-dua pihak. Sungguhpun di bawah kedua-dua lesen, tetapi apa perbezaannya. Mungkin dari segi perkhidmatan ada tambahan-tambahan tertentu.

Seperti yang dicadangkan, mungkin sekarang mereka boleh keluarkan kad caj, kad kredit, juga mungkin boleh mengeluarkan buku-buku cek supaya kita tidak perlu lagi mendapatkannya daripada bank tradisional. Tetapi kalau kita berbuat demikian, maka adakah perlunya untuk mewujudkan entiti yang lama itu? Kalau kedua-dua sudah sama dari segi servis yang diberikan itu, jadi apakah penarikannya untuk mengadakan dua akaun? Dahulu itu adalah dua institusi yang berlainan, tetapi sekarang di bawah satu syarikat yang sama dan di bawah satu pentadbiran mungkin dengan semua yang telah dibersikan. Dengan itu, sama ada kemudahan-kemudahan yang pada setakat ini memang berbeza ada penarikan-penarikan seperti saya sebutkan.

Jadi, ini adalah satu yang tidak dijelaskan di sini dan sama ada dengan mengadakan dua lesen seperti yang dicadangkan kerana mereka masih perlu memohon dan memegang dua lesen – satu di bawah perbankan, dan satu lagi di bawah kewangan. Oleh kerana itu, saya tidak melihat apa baiknya kalau kita gabungkan. Mungkin ada sebab-sebab tertentu yang memerlukan sesebuah syarikat itu sekarang dibenarkan mengambil

dua fungsi tetapi di bawah dua lesen. Kalau memerlukan dua lesen lagi, memegang dua fungsi, apa bezanya kalau dua entiti tetapi dua entiti yang dahulu, ada kaitan rapat satu sama lain?

Tuan Yang di-Pertua, melihat bahawa perkara-perkara ini kurang jelas, nanti dalam jawapannya, Kementerian Kewangan diharap akan memberikan kita satu gambaran yang lebih jelas supaya kita dapat memahami rasional untuk pindaan yang dicadangkan. Bagi saya, cadangan pindaan itu memang ada baiknya kalau pada akhirnya itu akan memperkukuhkan lagi institusi tetapi tanpa menjejaskan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada bagi kedua-dua pihak. Sama ada sesuatu pihak itu perlu menggabungkan akaunnya ataupun masih mengekalkan akaunnya terpulang kepada apa akan terjadi selepas pindaan ini dilaksanakan. Kalau pada akhirnya cadangan pindaan itu akan membolehkan seseorang menikmati kemudahan yang lebih baik, saya yakin cadangan pindaan ini akan membawa banyak kesan yang baik kerana dari segi kemudahan tentu kita sudah boleh menikmati yang lebih.

Sekarang bila kita hendak hantar satu cek untuk akaun, kita diberitahu ini akan diterima dan selepas itu akan dihantar kepada bank untuk dijelaskan, dan ini mungkin akan mengambil masa yang lebih panjang. Dahulu dari segi masa, kalau saya melalui sistem tradisional, maka cek itu dijelaskan lebih cepat, tetapi kalau melalui satu syarikat kewangan maka ia mengambil masa yang mungkin satu dua hari tambahan seperti biasa.

Dan satu lagi komen saya ialah tentang pindaan kepada seksyen 23 iaitu dengan memotong perkataan "kad caj", "kad kredit", "tanda kredit", dan sebagainya. Itu di bawah Fasal 5, dan apabila kita diberi penjelasan lagi maka kita diberi tahu bahawa Fasal 5 itu tidak ada dalam huraian, dan memang ini tidak ada tetapi semasa pembentangan, Kementerian Kewangan ada menyatakan bahawa ia adalah untuk meminda *schedules* tertentu. Tetapi kita juga tidak melihat dalam kertas ini apakah *schedules* yang disebutkan itu.

Jadi, untuk membantu pihak Ahli Dewan Negara mengeluarkan pendapat yang lebih kukuh, yang lebih matang dan mungkin yang lebih tepat, ada baiknya kalau semua pindaan dan cadangan yang disebutkan dalam kertas ini diberi huraian-huraian yang cukup supaya kami dapat memahami rasional yang diberikan itu. Dari pengalaman kami, kami boleh menyumbang dalam memberi pendapat ini, mungkin lebih berkesan dari segi memahami apa yang dimaksudkan. Kalau kita lihat apa yang disebutkan, secara ringkas sahaja dalam rang undang-undang ini tentang seksyen 23, ia hanya menyatakan bahawa Akta itu dipinda dengan memotong perkataan "kad caj", "kad kredit", "tanda kredit", dan ia juga tidak merujuk kepada sebarang *schedule*.

Tadi saya telah menunggu kerana bila saya lihat sini, saya kata, Fasal 1, 2, 3 ada, Fasal 4, 5 tidak ada, Fasal 6 ada, Fasal 7 dan 8 tidak ada, Fasal 9 ada. Jadi, saya pun tidak tahu apakah dia, dan sama ada ia mustahak bagi kami menghuraikan dan memberi komen atau ia tidak mustahak, dan mungkin oleh sebab ia tidak mustahak maka ia tidak disebutkan. Tetapi apa yang kita lihat apabila kita membaca rang undang-undang ini ada *details* tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-seksyen yang utama dalam akta.

Oleh sebab itu, saya harap apabila satu kertas disediakan untuk perbahasan Ahli-Ahli Dewan Negara, saya tidak tahu apa yang berlaku di Dewan Rakyat, mungkin perkara macam ini tidak diambil berat dan tidak perlu memberi penjelasan, dan mungkin tidak banyak perbahasan sedang berlaku. Tetapi di Dewan yang mulia ini, mungkin kita ada lebih masa untuk melihat satu demi satu dan memberikan komen kita berasaskan kepada apa yang telah dibentangkan.

Jadi, ini adalah satu pemerhatian yang penting dan saya harap pihak yang menyediakan kertas kerja ini dapat memberi sedikit perhatian kepada perkara-perkara semacam ini supaya pihak lain faham dengan lebih jelas. Kalau saya yang boleh dikatakan

sentiasa mengambil bahagian dalam tiap-tiap rang undang-undang yang dibentangkan pun menghadapi masalah, saya tidak tahulah rakan-rakan saya yang lain....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tetapi tidak sampai pening kepalalah!
[Ketawa]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Ketawa] Tidak adalah! Tidak ada! Saya harap belum sampai lagi ke tahap itu. Masih boleh ceritakan bahawa saya menghadapi masalah tetapi dengan penjelasan yang diberikan itu maka mungkin bolehlah, kerana tadi saya telah memberi perhatian yang cukup kepada apa yang disebutkan semasa pembentangan oleh Kementerian Kewangan dan saya cuba hendak tahu apakah rasional tentang pindaan-pindaan kepada seksyen 23. Mungkin saya anggap sekarang syarikat kewangan boleh keluarkan kredit kad, boleh keluarkan caj kad, mungkin itu pun anggapan yang silap. Mungkin tidak boleh! Tadi saya telah puji bahawa kita akan menikmati servis ini tetapi akhirnya tidak boleh. Jadi, itu seolah-olah akan berlaku.

Saya harap tanggapan saya dari melihat apa yang ditulis di sini itu adalah betul. Kalau demikian, maka ini adalah satu kebaikan kerana banyak daripada servis itu akan diberikan dan itu akan memperkukuhkan lagi sistem-sistem yang saya sebutkan itu. Tadi saya telah menceritakan tentang apa yang berlaku untuk seseorang yang telah menggunakan kesempatan dengan keadaan yang sedia ada untuk membuka dua akaun dan telah menikmati kemudahan-kemudahan yang berlainan, dan dengan harapan itu bahawa kemudahan-kemudahan semacam itu akan dikekalkan di bawah cadangan menggabungkan syarikat untuk membolehkannya menjalankan kedua-dua fungsi tetapi di bawah dua lesen itu masih akan diteruskan, dan bukan sahaja diteruskan tetapi ditambah dan diperkukuhkan lagi bagi faedah pelanggan mereka. Dengan itu saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

5.08 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan sedikit Rang Undang-undang DR.23/2003. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas cadangannya untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dengan tujuan mengukuhkan sistem perbankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor yang menahankan keadaan kewangan Malaysia pada krisis ekonomi 1997 ialah jumlah wang simpanan yang tinggi (*high saving rate*), dengan izin. Saya percaya selain daripada sistem perbankan yang begitu cekap dan stabil di negara kita, satu lagi ialah kadar simpanan yang berdaya saing (*competitive saving rate*), dengan izin, yang menggalakkan rakyat menyimpan duit mereka di bank-bank dan juga di syarikat-syarikat kewangan. Tetapi kita nampak dalam tiga atau empat tahun yang lalu, kadar simpanan tetap telah turun. Kalau tidak silap saya, pada masa ini pada kadar tiga atau empat peratus sahaja.

Tadi kita mendengar bahawa kerajaan ingin menjemput penyimpan-penyimpan tersebut sama ada tempatan atau dari luar negara ke institusi-institusi kewangan dan juga bank. Maksud saya ialah dengan kadar simpanan yang rendah, pelabur-pelabur dan orang awam tidak akan menyimpan wang mereka di bank-bank atau di institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kadar simpanan bergantung kepada kadar pinjaman walaupun kadar pinjaman rendah akan membantu pemaju-pemaju, peniaga-peniaga dan sebagainya untuk menggunakan *facility* pinjaman bank. Sebaliknya, simpanan di bank-bank akan turun. Apakah faktor-faktor yang menentukan kadar pinjaman dan kadar simpanan? Saya minta pihak kerajaan, kalau boleh, mengkaji macam mana kita

boleh menggalakkan orang menyimpan duit mereka di bank-bank dengan faedah yang lebih menarik. *There has to be a healthy balance*, dengan izin.

Dengan kata-kata itu, saya ingin menyokong Suatu Akta untuk Meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Sila, jika ada Yang Berhormat ingin membahaskan lagi? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

5.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh serba sedikit tentang rasional penggabungan bank dan syarikat kewangan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat yang lain, dengan penggabungan perniagaan perbankan syarikat kewangan, khidmat perbankan dan syarikat kewangan akan dapat ditawarkan dengan lebih cekap dan keupayaan untuk menawarkan khidmat perbankan akan dapat dipertingkatkan.

Gabungan bank dan syarikat kewangan ini seperti biasa akan mempunyai strategi tersendiri untuk menarik pelanggannya. Oleh itu terpulanglah kepada gabungan bank dan syarikat kewangan sama ada untuk mengekalkan kemudahan yang diberi sekarang ataupun untuk menambah dan memperbanyakkan kemudahan atau memindanya untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang adakah kadar faedah di antara perbankan dan syarikat kewangan ini yang berbeza. Biasanya syarikat kewangan mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat kadar faedah yang akan dikenakan nanti terpulanglah kepada bank masing-masing dan keputusan itu merupakan keputusan komersial. Ertinya, bank itu yang akan menentukan berdasarkan kepada pertimbangan komersial. Itu kita serahkan kepada budi bicara bank-bank dan syarikat kewangan yang bergabung itu. Yang Berhormat Dato' Chin juga....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, Dato' Hamzah Zainudin minta laluan.

Tuan Hashim bin Ismail: Jemput.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kerana bertanggungjawab juga membahaskan Usul ini waktu yang ditetapkan tadi. Saya lewat masuk sedikit, minta maaf. Selepas mendengar jawapan daripada wakil Kementerian Kewangan, saya ingin sedikit penjelasan, pertamanya, tentang rasional untuk kita menggabungkan bank-bank yang ada dalam negara kita dan jawapan daripada Yang Berhormat itu tadi mengatakan ianya boleh memberikan banyak *benefits* kepada pengguna-pengguna bank dan sebagainya.

Yang keduanya, tentang faedah. Dikatakan faedah ini akan dibuat secara *open market*, maknanya *it is going to be very competitive*, dengan izin. Bukankah bila kita menggabungkan bank-bank yang ada dalam negara kita, ianya akan memperkecilkan lagi *the number of banks* dalam negara kita? Maksud saya kalau hari ini kita ada - saya lupa kita ada berapa bank - sepuluh bank, kalau kita gabungkan menjadi bertambah kecil, maka bermakna apabila kita hendak melihat supaya faedahnya lebih kompetitif, bukankah ia memberi peluang kepada mereka untuk mengadakan *cartel* kerana *the number of banks* terlampau kecil, boleh berbincang, jadi kalau hendak kirakan *the number of banks* itu bertambah kecil, *foreign banks* bertambah besar, maka saya rasa tidak rasional kalau kita

minta supaya bank-bank dalam negara ini digabungkan supaya *numbemya* bertambah kecil.

Saya rasa yang lebih baik kalau boleh pihak kerajaan melihat kembali bahawa kalau kita boleh, kita tambahkan *the number of banks* dalam negara kita supaya ianya diberikan sedikit peluang *the niche market* kepada pengusaha-pengusaha dalam negara kita. Contohnya kalau untuk usahawan kecil, dipertingkatkan bank-bank tersebut supaya fokus untuk usahawan-usahawan kecil, untuk yang besar-besar kepada mereka yang besar-besar, *the boutique banks* kepada mereka yang banyak duit hendak simpan. Jadi kalau begitu saya rasa barulah kita boleh kata ada *competitive market* dari segi faedah yang akan Yang Berhormat jawab tadi. Kalau kita gabungkan, dikecil-kecilkan *the number of banks* dalam negara kita, maka saya rasa saya risau ada *cartel* di antara bank-bank yang ada dalam negara kita.

Itu saya ingin penjelasan semula tentang jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Sebenarnya kita tidak, kita hanya mengurangkan bilangan bank, Yang Berhormat Dato', tetapi saiz setiap bank itu diperbesarkan. Kita tidak memperkecilkan. Bilangan kita kurangkan tetapi saiz setiap bank itu diperbesarkan supaya mereka mempunyai satu daya saing yang kukuh untuk bersaing dengan bank-bank asing dalam era globalisasi ini. Dan ini juga kalau kita lihat di negara-negara maju seperti di London, England dan sebagainya, mereka cuma mempunyai bilangan lima, enam buah bank sahaja. Tidaklah sebesar mana. Dahulu kita ada 54 buah bank. Kita dapati apabila bertaburan 54 bank ini, hendak *compete* dengan bank-bank yang besar, sudah tentu mereka tidak mampu.

Oleh itu kita kurangkan bilangan, kita besarkan saiz setiap bank itu, setiap entitinya, jadi dengan secara itu mereka akan penuh *synergy* kekuatan tambahan, *extra strength* untuk berdepan dengan bank-bank asing dan kerana itu maka kita tidak bimbanglah, datanglah globalisasi, liberalisasi dan sebagainya, mereka bersedia untuk bersaing dan berhadapan dengan cabaran ini.

Jadi, tujuannya....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak berbahas dengan Yang Berhormat, cuma saya hendak, kalau yang inilah Yang Berhormat punya jawapan, saya ucap terima kasihlah. Cuma saya hendak beritahu bahawa kalau kita hendak *compete* dari segi bank-bank luaran, globalisasi, besar mana digabungkan sekali pun kita tidak boleh melawan mereka. Kita gabunglah semua bank yang ada dalam negara kita, diperbesarkan saiznya tadi, hendak *compete* dengan, tidak usahkan bank, American Express, Citybank, bermacam-macam bank yang ada dalam dunia ini, *we can't even compete with them*.

Jadi, kalau itu jawapannya, saya rasa kita kena tinjau kembali dari segi rasionalnya. Saya cuma minta kalau boleh kerajaan mengkaji semula supaya kita ada pengkhususan bank-bank ini supaya kita melihat bagaimana kita hendak menentukan supaya sesiapa sahaja yang ingin membuat apa sahaja pinjaman ataupun berurusan dengan bank-bank tadi, dibuat dengan secara lebih mudah untuk kepentingan orang dalaman.

Kalau kita hendak *compete* dengan bank luar, ketika itu kalau kita rasa hendak *compete* dengan orang luarlah, kita boleh gabungkan mereka dari segi kita ambil satu bank sebagai *lead partner*, yang lain dia ikut. Tidak payah mereka digabungkan. Bukankah itu lebih baik daripada mereka digabungkan menjadi satu sebagai contoh dan hendak *compete in the international market which I don't think we can compete?* Dengan izin.

Sebab itu, saya lebih mempertahankan cadangan saya tadi, cuma saya tidak mahulah berbahas di sini, Yang Berhormat, cuma pada pendapat saya, saya minta kalau boleh kerajaan melihat kembali supaya jangan diheboh-hebohkan seolah-olah kita mahu supaya saiz bank dalam negara kita ini diperbesarkan, dengan itu kita digabungkan supaya kita boleh *compete in the international market*. Kita buka Labuan Financial Centre itu sudah berapa tahun? Saya minta Yang Berhormat jawab dengan saya, berapa banyak bank yang telah menggunakan *facilities* yang ada di Labuan? Inikan pula bila kita hendak gabung besok. Sebab itulah saya minta kalau boleh kerajaan melihat kembali isu ini, jadi saya tidak mahu berbahas tentang masalah ini, cuma saya minta pandangan saya supaya kalau boleh ditubuhkan beberapa bank untuk *niche market* yang saya maksudkan tadi. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Sebenarnya untuk....

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: [Bangun]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada lagi yang minta laluan, bolehkah?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya jawab dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Jawab dahulu. Belum lagi, Dato'.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Belum lagi, belum lagi. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau beliau boleh beri laluan.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya jelaskan Dato' Hamzah dahulu, lepas itu saya beri laluan.

Sebenarnya, kerajaan tidak mengambil kira pihak-pihak macam IKS dan sebagainya kerana di samping bank-bank ini, kita juga ada tabung-tabung yang banyak, Yang Berhormat Dato' Hamzah. Tabung Usahawan Baru, macam-macam tabung kita sediakan untuk rakyat, untuk *access* kepada pinjaman kita. Lepas itu baru-baru ini skim mikro kredit dan sebagainya, itulah untuk *small scale* punya *business* meminjam.

Jadi, bagi bank komersial dan sebagainya, mereka perlu *compete* pada peringkat *global*. Saya pun bukan hendak berhujah, hendak berbahas, seperti mana kata Dato', ya. Cuma sekarang ini pun, ada pandangan supaya sepuluh bank yang ada ini, kita kecilkan lagi bilangannya, memang ada usaha ke arah itu, supaya mereka jadi besar, kuat, gagah, peramah dan sebagainya. [Ketawa] Jadi, kita hendak kecilkan lagi, sepuluh ini pun sudah dikira banyak, kita mungkin hendak akhirnya nanti mungkin akan jadi kepada lima atau enam sahaja.

Jadi, ini adalah satu fenomena global, semua negara buat begitu dan apabila mereka jadi besar saiznya, mereka akan jadi kuat dan *competitive* di peringkat global. Dan saya sedar *concern* Yang Berhormat Dato' bahawa peminjam-peminjam di peringkat *small scale* ini memang ada kerajaan sediakan pelbagai kemudahan, jadi mereka tidak dipinggirkan begitu. Tetapi bank kita, bank komersial dan sebagainya, mereka perlu punya *synergy* yang kukuh, gagah dan perlu *competitive* di peringkat global. Kalau tidak, kalau mereka dibiarkan bertaburan sebanyak 54 seperti dahulu, saya rasa mereka akan hapus begitu sahaja. Dalam arus globalisasi ini mereka akan tidak punya daya saing, daya tahan yang kuat untuk....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Barangkali ada *small difference*, dengan izin, jugalah antara *to compete and to be competitive*. Ia hampir-hampir itu, tetapi untuk menjadikan ia lebih *competitive*, bukan *to compete*, ia ada beza sedikit itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Yalah, supaya mereka jadi lebih *competitive to compete*. Hah! Itu maksudnya. *[Ketawa]* Jadi, itu maksud dia Dato'. Dan kerajaan mengambil kira pandangan itu, tetapi Yang Berhormat Dato', *trend* kita sekarang daripada sepuluh itu hendak kita kurangkan lagi, kepada lima atau enam sahaja akhirnya. Dan sekarang ini kita sedang *study* benda-benda ini supaya dapat kita mencapai satu tahap yang maksud saya tadi, *competitive to compete*. Ya, Tan Sri, jemput.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, jemput Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya saya bangun tadi untuk beri penjelasan sahaja. Apa yang kita bahaskan dalam rang undang-undang yang dibawa ini ialah berkenaan dengan penyatuan bank syarikat, bank saudagar dengan *finance companies*, bukan penggabungan bank-bank.

Jadi, sudah keluar daripada itu. Jadi, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Chin tadi ialah, kalau bank saudagar ini disatukan dengan *finance companies* ataupun syarikat kewangan, adakah syarat-syarat di dalamnya berlainan? Itu sahaja masalahnya. Dahulu bezanya ialah *finance companies* biasanya mengenakan faedah yang tinggi, sama ada kita simpan wang dalam syarikat itu atau apabila kita meminjam, tinggi faedahnya. Sekarang ini setelah bergabung atau bersatu, apa jadinya? Serupakah atau berlainan? Itu soalnya. Jadi bukannya soal penggabungan bank-bank, tidak, bahkan penyatuan seperti Public Bank sekarang ini sudah bergabung dengan Public Finance. Ini apa jadinya, itu masalahnya.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, terima kasih. Persoalannya pihak Yang Berhormat tadi mengikut rentak jawapan, silakan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya ikut rentak soalan, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Dan saya bersetuju bahawa rasional di sebalik penggabungan bank dan syarikat kewangan itu sama Tan Sri, iaitu untuk meraih satu *synergy* supaya dapat mereka menjadi lebih kuat, lebih kompetitif. Sama juga. Cuma tadi saya sudah jawab soalan Dato' Dr. Chin, bahawa jikalau digabungkan nanti, saya rasa dari segi faedahnya, saya sudah cakap tadi, biasanya syarikat kewangan faedahnya lebih tinggi daripada bank. Dan apabila digabungkan nanti, maka keputusan itu nanti sama ada hendak diikuti mana satu nanti, ataupun hendak dibuat tengah-tengahkah, itu bergantung kepada keputusan komersial, ertinya, bergantung kepada keputusan komersial bank tersebut.

Jadi, itu kita tidak ada garis panduan Tan Sri, budi bicara merekalah, asalkan mereka lebih kompetitif dan sebagainya, mereka buatlah apa yang mereka patut, tetapi kita mahu penggabungan ini dapat menghasilkan satu keputusan, *synergy* kepada penggabungan ini. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, panjang lagikah? Kalau ada 15 minit, saya boleh lanjutkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Sudah habis. Cuma, Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Cuba beri penjelasan kepada saya Yang Berhormat, sekarang sudah masuk jam 5.30 petang. Panjang lagikah?

Tuan Hashim bin Ismail: Tidak, tidak, sudah habis. Hendak habis.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Hendak habis?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Kalau hendak habis, saya beri notis dahulu, pemberitahuan di bawah kuasa-kuasa seksyen 11(5). Dengan ini saya melanjutkan masa selama 15 minit lagi. Silakan.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya sudah habis sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Habis pun, kita hendak gulung ia balik semula?

Tuan Hashim bin Ismail: Cuma yang akhir tadi Dato' Dr. S. Vijayarajam mengatakan bahawa kadar faedah – bagaimana hendak menarik pelabur asing supaya menjadi kelihatan lebih menarik.

Sebenarnya cara kita menarik pelabur asing bukan sahaja melalui simpanan tetap. Benar, saya tahu bahawa simpanan tetap kita rendah sekarang ini. Kita hendak supaya berlaku satu kecairan di pasaran kita agar dapat digunakan untuk menjana ekonomi negara ekoran daripada krisis ekonomi dan juga kelembapan ekonomi dunia. Jadi kita mempermudah dengan merendahkan BLR, *monetary policy* kita. Kita ubah dan kita mahu galakkan pinjaman sebanyak mungkin.

Akan tetapi maksud saya tadi, galakan untuk pelabur luar bukan sahaja melalui *fixed deposit* – simpanan di bank-bank, malah kita juga menggalakkan mereka melabur di Bursa Saham Kuala Lumpur kita misalnya. Jadi untuk itu, kita masih lagi saya rasa punya daya tarikan yang kuat untuk pelabur luar. Tadi yang dimaksudkan dana-dana luar yang daripada Asia Barat yang bawa keluar dari Amerika, saya kata tadi bahawa kita punya infrastruktur yang lengkap dan sempurna khususnya dari segi infrastruktur perbankan dan sistem kewangan Islam.

Jadi daya tarikan kita dari segi itu iaitu infrastruktur yang lengkap, kemudahan-kemudahan yang disediakan begitu sempurna dan kita diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia dari segi menyediakan prasarana perbankan Islam dan sistem kewangan Islam. Dengan sebab itu maka kita punya daya tarikan walaupun kadar *fixed deposit* kita rendah tetapi kita masih kompetitif bersaing kalau dibandingkan dengan negara di rantau ini dari segi *fixed deposit*nya dan juga dari segi prasarana kita yang terbaik. Ini diakui oleh dunia. Jadi tarikan kita juga ada dari segi itu – prasarana yang baik, kadar *fixed deposit*nya masih kompetitif dan juga dasar kerajaan yang mesra pelaburan, dasar kita yang telus, dengan sebab itu baru-baru ini *rating Standard and Poor* meletakkan kita kepada 'A' minus daripada 'BB' plus dan kita setanding dengan Korea, jauh lebih baik daripada Thailand, Philippine dan negara-negara serantau.

Jadi oleh kerana itu, kita masih punya daya tarikan yang kuat untuk membawa masuk dana asing daripada luar. Jadi jangan kita pandang hanya dari segi *fixed deposit* yang rendah itu sahaja, maka seolah-olah kita tidak menggalakkan kemasukan pelabur asing. Kita punya daya tarikan yang cukup banyak seperti dari segi dasar kerajaan, dari segi ketelusan pentadbiran, dari segi *rating* yang tinggi dan sebagainya. Begitu juga dengan prasarana yang cukup sempurna dan baik, maka kita masih lagi merupakan satu daya tarikan yang baik untuk kemasukan dana-dana luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat itu dan....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: [Bangun]

Tuan Hashim bin Ismail: Ada hendak, hendak....

Dato' Dr. S. Vijayarajam: [Ketawa] Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat di atas jawapan tetapi tadi saya kata bukan sahaja pelabur asing, orang kita juga. Macam mana hendak menggalakkan orang kita

simpan duit mereka di bank dengan kadar faedah yang rendah, susah sedikit. Saya minta macam mana, jika bolehlah, naikkan sedikit. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: *[Ketawa]* Setakat ini pegawai Bank Negara ada di sini Dato'. Ada bersama kita. Setakat ini kita hendak galakkan rakyat berbelanja bukan untuk menyimpan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk sekarang ini Dato', kita hendak mereka berbelanja setiap sen yang ada. Berbelanja tetapi berbelanja secara berhemahlah, jangan beli yang bukan-bukan. *Prudent* – secara *prudent* dan kita sekarang ini mahu galakkan mereka berbelanja bukan untuk menyimpan. Simpan, simpan jugalah. Kita ada dana-dana lain - Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Berhad, Amanah Saham Bumiputera, selepas itu Amanah Saham Harapan lagi nanti akan diwujudkan melalui Bajet 2004. Kita galakkan rakyat menyimpan tetapi melalui dana-dana ini. Pada keseluruhannya, kita galakkan rakyat berbelanja untuk menjana ekonomi negara dan kita mahu dengan cara itu juga, maka ekonomi negara dapat di *activate* – dapat dicergaskan dan kita akan dapat mencapai KDNK lebih daripada 4.5% tahun ini dan insya-Allah tahun hadapan, 5.5% hingga 6%.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Baiklah. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menangguhkan mesyuarat di tahap ini, maka Rang Undang-undang Perbekalan, kita akan sambung esok. Dengan ini Dewan ditangguhkan. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.38 petang.

